


**Prestasi kewangan sihat, rakyat rasai kesenangan**

MS 7,14 & 15



PERCUMA

buletin Mutiara




www.buletinmutiara.com

16 – 31 MEI, 2017

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Jangan berlagak bak 'wira rumah', nasihat Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo menasihati pembangkang supaya tidak berlagak seperti 'wira' Rumah Mampu Milik (RMM) di Pulau Pinang.

Katanya, jumlah unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) di negeri ini bukanlah sebanyak 999 unit (terendah dalam negara), seperti dinyatakan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan baru-baru ini.

"301 unit lagi PPR masih belum dibina, iaitu 231 unit PPR Permatang Tok Subuh dan di PPR Mak Mandin (70 unit) yang masing-masing dijadualkan siap pada 17 Ogos 2017 dan 20 Disember 2017.

"Mahu jadi 'wira rumah' peringkat negeri dan peringkat Pusat, boleh.

"Dengan kira-kira 70 peratus pinjaman perumahan ditolak oleh bank, tiada sesiapapun mampu menyediakan RM4,000 untuk membeli rumah (kos rendah) dengan siling harga RM42,000," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat dalam sidang media bersama-sama Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Jagdeep dalam pada itu menyanggah pemimpin parti politik tertentu yang cuba menggambarkan dalam media arus perdana kononnya Kerajaan Negeri gagal menyediakan RMM mencukupi untuk rakyat Pulau Pinang.

Lagipun, beliau menegaskan, barisan pembangkang yang diketuai ADUN Teluk Air Tawar, Datuk Jahara Hamid turut saling menyokong Usul Bersama Kerajaan Negeri supaya Kerajaan Pusat meminta Bank Negara Malaysia (BNM) melonggarkan syarat kelayakan pinjaman perumahan untuk pembeli pertama RMM di negeri ini.

Tambah Jagdeep, sehingga kini Kerajaan Pusat masih belum memanggil kepemimpinan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang untuk mencari solusi isu berbangkit berkaitan, sungguhpun Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang tiga bulan lepas telahpun mengutus surat rasmi kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan BNM.

**"Untuk rekod, Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 hingga 2016 secara fizikal menyediakan 20,887 RMM Kategori A (Kos Rendah) dan Kategori B (Kos Sederhana Rendah) berbanding tempoh sama ketika era Barisan Nasional dahulu (2000 hingga 2007) sebanyak 5,124 unit kediaman sahaja. (Lampiran A).**

**"PR1MA (Perumahan Rakyat 1Malaysia) sehingga kini, satupun Kerajaan Pusat gagal bawa dan bina secara fizikal di Pulau Pinang.**

"Cakaplah kepada Jahara betapa seriusnya isu perumahan di Pulau Pinang," katanya.

Maklumat terkini, Jagdeep memberitahu, melalui Kerajaan Negeri, sebanyak 17 projek RMM dengan 27,230 unit (RMM) pelbagai kategori akan disediakan, iaitu pertambahan tiga projek (975 unit) berbanding pengumuman sebelum ini. (Lampiran B).




LAMPIRAN A.

LAMPIRAN B.

| NO | NAMA PROJEK | DAERAH | JENIS 'A' (RM 42,000) | JENIS 'B' (RM 72,000) | JENIS 'C' (MAKS. RM 300,000) | JUMLAH (UNIT) |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 01 | TELUK KUMBAR | DBD | - | 346 | 348 | 694 |
| 02 | JELUTONG | DTL | - | 310 | 444 | 754 |
| 03 | PINTASAN CECIL | DTL | - | 348 | - | 348 |
| 04 | SP CHELLIAH | DTL | - | 770 | 1,323 | 2,093 |
| 05 | SANDILAND | DTL | - | 321 | 482 | 803 |
| 06 | PERAK ROAD | DTL | - | 200 | 2,225 | 2,425 |
| 07 | KOTA GIAM | DTL | - | 895 | - | 895 |
| 08 | BANDAR CASSIA | SPS | - | 3,372 | 8,428 | 11,800 |
| 09 | KEPALA GAJAH | SPS | 41 | - | - | 41 |
| 10 | KAMPUNG JAWA | SPU | - | 353 | 354 | 707 |
| 11 | AMPANG JAJAR | SPU | - | 600 | 600 | 1,200 |
| 12 | MAK MANDIN | SPU | 187 | - | - | 187 |
| 13 | UJUNG BATU | SPU | 600 | - | 1,108 | 1,708 |
| 14 | KAMPUNG MAIN ROAD | SPT | - | 560 | 560 | 1,120 |
| 15 | BUKIT MERTAJAM | SPT | - | 408 | 408 | 816 |
| 16 | JURU | SPT | - | 800 | 800 | 1600 |
| 17 | PERMATANG TOK SUBUH | SPT | 39 | - | - | 39 |
| JUMLAH BESAR (UNIT) | | | 867 | 9,283 | 17,080 | 27,230 |

**PROJEK-projek perumahan mampu milik Kerajaan Negeri yang akan dibina sebelum 2025.**

# TYT puji semangat berpasukan pimpinan negeri, gigih jaga kebajikan rakyat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN & DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN -** Semangat berpasukan yang tinggi dalam kalangan pimpinan negeri serta dorongan padu rakyat mampu memakmurkan sesebuah negeri.

Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang Kali Ketiga Belas di sini 19 Mei lalu.

Menurut beliau, memakmur dan membangunkan sesebuah negeri adalah suatu tugas yang mencabar dan merupakan amanah yang sangat berat untuk dipikul.

"Namun, sekiranya sesuatu tugas yang berat ini jika dilaksanakan secara berpasukan, ia dapat memberi imej yang baik.

"(Juga) semangat kental rakyat Pulau Pinang membolehkan Kerajaan Negeri membersihkan imej kotor lalu kepada Pulau Pinang masa kini yang bersih, hijau, sihat dan selamat," ucapnya pada majlis berkaitan.

Dalam pada itu, Abdul Rahman turut mengucapkan syabas kepada semua penjawat awam yang bertungkus-lumus memajukan Pulau Pinang.

"Suka saya menasihatkan para penjawat awam agar sentiasa mempertahankan nama baik perkhidmatan, teguh dengan prinsip menolak rasuah serta tegas menentang perbuatan salah guna kuasa yang boleh mengakibatkan berlakunya ketirisan hasil negeri," katanya yang turut melafazkan terjemahan ayat al-Quran Surah An-Naml, ayat 36 yang bermaksud:

"Maka apabila (utusan pembawa hadiah itu) datang menghadap Nabi Sulaiman, berkatalah Nabi Sulaiman, tidaklah patut kamu memberikannya kepadaku pemberian harta benda, apa yang Allah SWT berikan kepada ku lebih baik dari apa yang diberikannya kepada kamu."

Abdul Rahman dalam pada itu turut memperkenankan usaha Kerajaan Negeri memerangi rasuah dalam kalangan penjawat awam dengan mengambil langkah tegas termasuk pembuangan kerja yang didapati bersalah.

"Malah, saya berharap penjawat awam lebih berani melaporkan usaha pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk merasuah penjawat awam di Pulau Pinang," ujarnya.

Mengulas lanjut, Abdul Rahman turut mengucapkan tahniah kepada barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang berusaha gigih bagi menjaga kebajikan rakyat negeri ini.

"Jumlah pelaburan negeri mencatatkan peningkatan sebanyak 73 peratus iaitu peningkatan daripada RM34.2 bilion pada tahun 1999-2007 kepada RM59.2 bilion untuk tempoh sembilan tahun yang sama pada tahun 2008-2016. Pada tahun 2016, Pulau Pinang telah mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM4.3 bilion dengan 106 projek diluluskan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM3.1 bilion adalah daripada pelaburan asing, manakala RM1.2 bilion daripada pelaburan domestik.

"Peluang pekerjaan baru juga naik 15 peratus daripada 121,511 pekerjaan baru untuk tempoh 1999-2007 kepada 139,133 pekerjaan baru untuk tempoh 2008-2016. Malah, Pulau Pinang juga mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.5 peratus berbanding dengan pertumbuhan GDP negara sebanyak 5 peratus pada 2015," jelasnya.

Tambah Abdul Rahman, beliau juga percaya sasaran Kerajaan Negeri untuk menyediakan sebanyak 26,255 unit Rumah Mampu Milik (RMM) pelbagai kategori dengan pihak swasta pelbagai kategori untuk rakyat Pulau Pinang menjelang tahun 2022 akan tercapai.

"Sejak 2008-2016, Kerajaan Negeri telah membina 20,887 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah, berbanding dengan 5,124 unit pada tempoh 2000-2007," katanya.

Bagi urusan hal ehwal agama Islam, Abdul Rahman turut menyatakan rasa syukur apabila aspek tersebut diberi perhatian berat oleh Kerajaan Negeri apabila jumlah peruntukan (untuk hal ehwal agama Islam) naik 84 peratus selepas tahun 2008 kepada RM457 juta untuk tempoh 2008-2016 berbanding tempoh 1999-2007.

Pada kesempatan tersebut, beliau turut mengambil kesempatan merakamkan ucapan tahniah kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) di atas kejayaan mengekalkan Persijilan Semula MS ISO 9001:2008 untuk tahun ke-5 berturut-turut, pengiktirafan Bintang Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS dan Persijilan Amalan Berkualiti 5S.

"Tahniah juga diucapkan kepada PSUKPP, Jabatan Kewangan Negeri, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri, Majlis Sukan Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah dan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara di atas Anugerah Lima Bintang dalam Pengurusan Kewangan Berdasarkan Akauntabiliti. Syabas juga kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) atas pengiktirafan antarabangsa," ujarnya.

Sebelum itu, Abdul Rahman yang diiringi Yang di-Pertua DUN, Dato' Law Choo Kiang, Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, memeriksa perbarisan tiga pegawai dan 102 anggota perbarisan daripada Pasukan Simpanan Persekutuan No. 3 sambil diiringi pasukan Pancaragam Polis Diraja Malaysia Kontinjen Kedah.




**KETUA Menteri, Law Choo Kiang, ADUN-ADUN dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri merakam gambar kenangan bersama-sama TYT.**



**DR. Abdul Rahman Abbas ketika menjalankan pemeriksaan kawad perbarisan sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kelima DUN Pulau Pinang Kali Ketiga Belas di sini baru-baru ini.**




Oleh : **ME**

# Peruntukan pembangunan hal ehwal Islam sejak 2008 naik 84% berbanding sebelumnya - Guan Eng

**SUNGAI DUA** - Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng memberi jaminan bahawa sumbangan Ehya Ramadan secara tahunan sejak 2008 akan diteruskan sekiranya rakyat terus memberi kepercayaan untuk Pakatan Harapan (PH) mentadbir negeri Pulau Pinang.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pemberian Sumbangan Ehya Ramadan kepada seluruh masjid dan surau Pulau Pinang di perkarangan Masjid Al-Marbawi, Merbau Kudung di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, sejak 2008, Kerajaan Negeri telah memulakan inisiatif sumbangan Ehya Ramadan sempena meraikan kedatangan bulan Ramadan.

"Sumbangan ini adalah penting sebagai salah satu usaha (agar institusi masjid) dapat membangunkan rakyat Pulau Pinang secara kerohanian.

"Malah, jumlah peruntukan bagi hal ehwal Islam di negeri Pulau Pinang juga naik kira-kira 84 peratus sejak 2008 berbanding sebelumnya.

"Malangnya, kenaikan ini mendapat kritikan daripada pihak tertentu yang mendakwa Kerajaan Negeri anti Cina... kerana mendapat undi bangsa Cina, tetapi membantu (golongan) Melayu.

"Akan tetapi, kita (Kerajaan Negeri) tidak mempedulikan kritikan tersebut dan akan meneruskan sumbangan tanpa sikap cauvinis dan rasis," ujarnya.

Turut berucap, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim.

Hadir sama, Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man; Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Dato' Sazali Hussein; Ahli Parlimen Parit Buntar, Perak, Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa; barisan Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK); kariah Masjid Al-Marbawi serta wakil-wakil kepimpinan tempatan.

Tahun ini, sejumlah RM235,000 diagihkan kepada 226 masjid, surau Jumaat melibatkan Masjid Negeri Pulau Pinang (RM5,000), lima masjid daerah (RM2,000 setiap masjid) dan 220 masjid kariah, masjid biasa dan surau Jumaat seluruh negeri.




# Pertemuan bersejarah KN, Dewan Perniagaan Melayu bincang isu kepentingan bersama

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PADANG KOTA -** Pertemuan bersejarah Kerajaan Negeri dengan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang baru-baru ini antara lain berbincang mengenai kerjasama dua hala dalam merealisasikan projek infrastruktur awam serta memartabatkan ekonomi rakyat, khususnya orang Melayu di negeri ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata demikian dalam sidang media bersama-sama Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang, Rizal Faris Mohideen di sini.

"Cabaran ekonomi Melayu adalah masalah kebangsaan kita, juga di Pulau Pinang.

"Ini, perkongsian yang dimainkan oleh Dewan (Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang) terhadap isu-isu ekonomi negeri Pulau Pinang...mengenal pasti masalah-masalah dan cabaran-cabaran khususnya yang dihadapi oleh orang Melayu daripada segi jurang pendapatan dan peluang ekonomi," jelasnya yang juga Pengerusi Parti Tindakan Demokratik (DAP) Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Turut serta, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dan Pengarah Penang Institute (PI), Steven Sim Chee Keong serta beberapa pemimpin lain.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota memberitahu, Kerajaan Negeri turut mengharapkan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang boleh menjadi pengantara dan jambatan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat ke arah melancarkan proses kelulusan projek infrastruktur di negeri ini, seperti Pelan Induk Pengangkutan (PIP) kelak.

"Ada hasrat menjemput anggota Dewan (Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang) jadi ahli dalam apa-apa jawatankuasa dan badan bertindak di Pulau Pinang supaya mereka boleh memainkan peranan sebagai perantara dan membawa isu-isu yang kemungkinan perlu diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri," jelasnya sambil memberitahu pihaknya akan mengadakan jelajah bertemu beberapa pertubuhan mengenai kepentingan bangsa lain juga kelak.

Dalam reaksi balas, Rizal Faris menyatakan bahawa Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang bukanlah pertubuhan politik, tetapi bersedia membantu Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri demi kepentingan Melayu di negeri ini.


CHOW Kon Yeow dan Rizal Faris Mohideen berjabat tangan sambil saling bertukar-tukar cenderamata pada majlis pertemuan antara dua pihak di sini baru-baru ini.

"Satu daripada 10 tuntutan kita adalah suara, bukan sekadar jawatan ahli majlis, ia lebih kepada pasukan pemikir strategik platform dan banyak lagi.

"Yang penting sekali, kita boleh memberi sumbangan dan mengemukakan sesuatu yang mampu dicapai.

"Jangan kita mempolitikkan sangat mengenai jawatankuasa, kita kena tumpu pada aspek ekonomi Melayu dan melakukan sesuatu yang merentasi kepentingan politik kepartian," respons beliau.

# 2,857 ibu tunggal Pulau Pinang berjaya ditawarkan rumah

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **VICTOR SEOW KOO TATT**

**GEORGE TOWN -** Seramai 2,857 ibu tunggal berjaya ditawarkan rumah mampu milik (RMM) pelbagai kategori sejak Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC) ditubuhkan pada Jun 2013.

Mengulas lanjut, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, rekod itu adalah sebagai tanda tulus dan penghargaan Kerajaan Negeri Pakatan Harapan (PH) Pulau Pinang sempena sambutan Hari Ibu pada tanggal 14 Mei baru-baru ini.

"Saya sangat gembira untuk mengumumkan sempena Hari Ibu ini...kita (SPEC) mengutamakan keperluan mereka kerana Kerajaan Negeri begitu prihatin dengan semua golongan ini (ibu tunggal)," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat ketika turun padang mengedarkan kuntuman bunga teluki kepada golongan ibu di Pasar Awam Taman Free School di sini baru-baru ini.

Menurut rekod SPEC, Jagdeep memberitahu, seramai 1,796 ibu tunggal berjaya ditawarkan RMM Jenis A bernilai RM42,000; RMM Jenis B bernilai RM72,500 (691); RMM Jenis C2 bernilai RM200,000 (96), RMM Jenis C3 bernilai maksimum RM300,000 (229); RMM bernilai maksimum RM400,000 (43) dan RMM bernilai maksimum RM500,000 (2).

Dalam perkembangan lain, Jagdeep sekali lagi membangkitkan isu peruntukan tahunan Tabung Penyelenggaraan



**JAGDEEP Singh Deo menyampaikan kuntuman bunga teluki kepada salah seorang pengunjung sempena sambutan Hari Ibu di Pasar Awam Taman Free School di sini baru-baru ini.**

1Malaysia (TP1M) bagi tahun 2016 sejumlah RM3.98 juta yang menyusut 92.5 peratus berbanding RM50.73 juta (2015) berdasarkan Jawapan Bertulis di Dewan Rakyat baru-baru ini.

Angka itu, kata Jagdeep, seakan-akan menggambarkan Kerajaan Persekutuan ketika ini kian menghadapi masalah kewangan yang begitu teruk.

Terdahulu, Jagdeep mendedahkan salinan dokumen Statistik Pelaksanaan TP1M Tahun 2013 Hingga 2016 di Dewan Rakyat yang menunjukkan bagi tahun 2016, langsung tiada projek TP1M diluluskan di Kedah, Kelantan, Perlis, Pulau Pinang, Sarawak, Selangor, Terengganu, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tambah beliau, menurut laporan statistik sama, tiga projek TP1M diluluskan di Johor, Melaka (3), Negeri Sembilan (2), Pahang (4), Perak (4), Sabah (2) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1), menjadikan keseluruhan bagi tahun 2016 sejumlah 19 projek sahaja.

"143 permohonan telahpun dibuat sejak tahun 2012, hanya 27 permohonan yang telah diluluskan. Tahun 2016 langsung tiada permohonan diluluskan untuk kedua-dua pihak berkuasa tempatan (PBT) membabitkan skim-skim rumah mampu milik Jenis A dan Jenis B (Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah).

"Kerana Kerajaan Persekutuan tidak meluluskan 90 peratus atau 70 peratus kos bagi satu-satu projek TP1M di negeri ini, Kerajaan Negeri melalui tabung Program Penyelenggaraan Perumahan Pulau Pinang (HAPPY!) tidak mampu mengeluarkan 10 peratus atau 30 peratus baki kos projek yang sepatutnya ditanggung oleh persatuan penduduk," katanya.

Menurut Jagdeep, menyedari kelemahan daripada pihak Kerajaan Persekutuan ini, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan juga telah mewujudkan satu tabung penyelenggaraan yang dinamakan sebagai Tabung Penyelenggaraan Maksima 80% Pulau Pinang (TPM80PP).

"Sejak tahun 2013, sebanyak RM7,866,841.93 telah disumbangkan melalui tabung ini kepada projek-projek rumah awam yang wujud di negeri Pulau Pinang untuk projek penyelenggaraannya termasuk penukaran lif, tangki air, bumbung dan kerja-kerja kritikal yang lain," jelasnya.

Sejak enam bulan TPM80PP diperkenal, Jagdeep menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah meluluskan 80 permohonan bernilai kira-kira RM2.2 juta, ketika Kerajaan Pusat pada tahun 2016 didedah meluluskan hanya peruntukan RM3.98 juta untuk pelaksanaan TP1M di tanah air ini.

## Percanggahan laporan Hutan Simpan Ulu Muda, PBAPP minta penjelasan Exco Kedah

**GEORGE TOWN –** Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP), Dato' Ir. Jaseni Maidinsa menuntut penjelasan daripada Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga Negeri Kedah, Datuk Badrol Hisham Hashim berhubung keluasan sebenar kawasan Hutan Simpan Ulu Muda.

Menurutnya, terdapat fakta yang bercanggah melalui dua laporan portal berita berasingan dan ia perlu diperjelaskan sebaik mungkin.

“Pada 8 Mei 2017, Badrol Hisham melalui sebuah portal berita berbahasa Inggeris menyatakan bahawa keluasan Hutan Simpan Ulu Muda adalah 41,375 hektar (ha.), manakala satu laporan lain dari surat khabar berbahasa Inggeris pula melaporkan, berdasarkan sumber Persekutuan Hidupan Liar Dunia (WWF), keluasan Hutan Simpan Ulu Muda adalah 160,000 ha., iaitu dua kali ganda saiz negara Singapura.

“Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara bagi tempoh 2009 hingga tahun 2014, sejumlah 46,264 ha. hutan simpan Kedah telah diterokai. Jadi, kita (PBAPP) ingin tahu dari jumlah besar tersebut, berapa hektar Hutan Simpan Ulu Muda yang sudah dan belum diteroka. Kita perlukan kepastian,” katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Jaseni dalam pada itu turut menuntut Badrol Hisham supaya memberi penjelasan berhubung penemuan jalan baharu dipercayai untuk kegunaan aktiviti pembalakan di Ulu Muda melalui Sik.

“Kita juga menuntut saiz serta pemetaan, lokasi penerokaan Hutan Simpan Ulu Muda yang dilesenkan oleh Kerajaan Negeri Kedah dan kapasiti efektif empangan di Ulu Muda memandangkan kawasan tersebut merupakan kawasan terpenting di wilayah Utara Semenanjung Malaysia sebagai kawasan tadahan air.

“Penerokaan hutan simpan (pembalakan) yang berfungsi sebagai kawasan tadahan air juga mampu mengancam sektor industri dan pelaburan yang dirangka Kerajaan Pusat melalui Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Rentetan kekurangan sumber air ini mampu mengancam nilai pelaburan berbilion-bilion ringgit (terutama pelabur yang ingin) melabur di kawasan utara,” tegasnya.

Tambah Jaseni, PBAPP melalui Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus mengulangi pendirian menyokong Kedah




**IR. Jaseni Maidinsa menunjukkan beberapa keratan akhbar berkaitan Hutan Simpan Ulu Muda pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

untuk menuntut pampasan nilai premium sekiranya Kedah menjalankan konservasi dan pemuliharaan Hutan Simpan Ulu Muda daripada Kerajaan Persekutuan.

“Tuntutan tersebut boleh dilaksanakan Kedah memandangkan usaha tersebut merupakan *'national service'* kepada penduduk sekitar wilayah utara,” ujar beliau.

# Exco gesa Pusat percepatkan salur RM150 juta peruntukan RTB Sungai Pinang

Gambar : **ADUN**

**DATUK KERAMAT -** Kerajaan Pusat setakat ini baru menyalurkan RM1 juta untuk projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang, sungguhpun Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar ketika bencana melanda beberapa kawasan di negeri ini pada 8 November tahun lepas mengumumkan kelulusan peruntukan RM150 juta.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata demikian ketika melawat kawasan kediaman komuniti Melayu sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat yang dilanda bencana banjir kilat dalam kejadian 13 Mei lepas.

"Cuma RM1 juta (disalurkan Kerajaan Pusat) setakat ini untuk perunding.

"Adalah diharapkan Kerajaan Pusat dapat percepatkan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang agar banjir kilat di sekitar Kawasan Datuk Keramat dapat dielakkan," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) berkaitan di sini baru-baru ini.

ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer serta pasukan sukarelawan Parti Tindakan Demokratik (DAP) serta Parti Keadilan Rakyat (PKR) turut menyertai lawatan kilat Jagdeep menemui mangsa-mangsa banjir terbabit.

Difahamkan, Kerajaan Negeri asalnya menuntut Kerajaan Pusat meluluskan peruntukan RM977 juta semua projek RTB untuk Pulau Pinang, sebagaimana dijanjikan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11).

Mengikut pecahan, kos solusi RTB Lembangan Sungai Pinang sahaja bernilai RM654 juta, diikuti RTB Lembangan Sungai Perai (RM70 juta), RTB Lembangan Sungai Juru (RM80 juta), RTB Lembangan Sungai Jawi (RM40 juta) dan RTB Bayan Lepas (RM153 juta).

Wan Junaidi ketika bencana melanda beberapa kawasan di negeri ini mengumumkan kelulusan peruntukan RM150 juta sahaja atas faktor kekangan kewangan yang dihadapi Pusat, sungguhpun kos minimum projek RTB Sungai Pinang yang dimohon oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) asalnya berjumlah RM350 juta.

Sehari sebelum itu, Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pada 7 November tahun lepas mengumumkan RM665,000,000 peruntukan terbesar dalam sejarah Kerajaan Negeri untuk JPS melaksanakan tujuh projek RTB berskala jangka pendek.



**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri) dan R.S.N. Rayer (kiri sekali) ketika melawat rumah mangsa-mangsa banjir kilat di sekitar KADUN Datuk Keramat pada 13 Mei lepas di sini.**

## Pusat perlu pertimbang segera naik taraf PIA

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri berharap Pusat dapat mempertimbangkan segera kerja-kerja menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA), Bayan Lepas demi kepentingan negara.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, jumlah ketibaan penumpang ke Pulau Pinang melalui PIA telah meningkat sebanyak 26 peratus dalam tempoh antara Januari hingga Mac tahun ini berbanding tempoh sama pada 2016.

Jelas beliau, PIA merupakan antara lapangan terbang paling sibuk dalam negara selepas Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

PIA kini, menurut Guan Eng, telahpun mencecah kapasiti maksimum tahun lalu iaitu 6.5 juta penumpang.

“Sewajarnya, kapasiti PIA diunjurkan akan mencapai 6.5 juta penumpang menjelang 2020 nanti, namun, tahun lalu, PIA sudahpun mencatatkan 6.5 juta ketibaan penumpang.

“(Dan) bersandarkan situasi semasa kini, dengan promosi pelancongan yang dijalankan adalah amat memberangsangkan, jumlah kemasukan pelancong ke negeri ini pastinya akan meningkat.

“Begitu juga jika dilihat dalam perspektif nasional, PIA perlu dinaik taraf demi kepentingan negara,” ucapnya pada tayangan perdana *The Light City* oleh IJM Perennial Development Sdn. Bhd. di sini baru-baru ini.

Hadir sama, barisan Exco Kerajaan Negeri, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari serta ahli-ahli lembaga pengarah IJM Perennial Development Sdn. Bhd..

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri sedia bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan bagi merealisasikan pembesaran PIA.

“Cuma kini, persoalannya, kami (Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan) pernah berbincang, tetapi tiada tindakan diambil dan saya berharap janganlah hal ini (pembesaran PIA) hanya cakap-cakap kosong sahaja.

“Lagipun dengan pembangunan pesat termasuk projek bersepadu pesisiran pantai ini, saya percaya jumlah kehadiran pelancong terutama pelancong perniagaan akan semakin bertambah,” ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Berdasarkan sumber Malaysia Airports Berhad (MAB), pada tahun 2015, jumlah penumpang adalah 6.25 juta dan meningkat sebanyak 5.93 peratus kepada 6.63 juta penumpang pada 2016 melepasi kapasiti maksimum semasa 6.5 juta penumpang.

Kali terakhir lapangan terbang itu dinaik taraf adalah pada 2012 dengan kos RM250 juta bagi menambah kemampuannya mengendalikan 5.0 juta penumpang daripada 3.5 juta penumpang sahaja sebelumnya.

Sementara itu, Guan Eng ketika diminta mengulas mengenai *The Light City* menyatakan bahawa pembangunan projek bersepadu tersebut akan meletakkan Pulau Pinang sebagai tumpuan pelabur, terutamanya bagi sektor mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran atau MICE.

Terletak bersebelahan *Tun Lim Chong Eu Expressway* menuju ke Jambatan Pulau Pinang, *The Light City* bakal dibangunkan di atas sebidang tanah berkeluasan 32.76 ekar dengan pembangunan pesisiran pantai bersepadu termasuk ruang niaga, ruang rekreasi, ruang hiburan, pusat konvensyen bertaraf global bagi MICE, pejabat, hotel dan kediaman.

## Golongan ibu disantuni sempena sambutan hari istimewa

**SELAMAT HARI IBU...** KETUA Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru-baru ini mengedarkan 500 kuntuman bunga teluki khusus untuk golongan wanita di Pasar Awam Sri Uda dan Pasar Pagi Mak Mandin sempena sambutan Hari Ibu yang diraikan pada 14 Mei lalu.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan hadir ditemani Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh merangkap ADUN Sungai Puyu dan ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan.

Rata-rata golongan ibu yang ditemui ternyata teruja dengan kehadirannya dan tidak melepaskan peluang bersalaman serta berswafoto bersama-sama.

Ternyata kehadiran Guan Eng bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri seawal jam 7 pagi menceriakan golongan wanita, khususnya yang bergelar ibu apabila menerima kuntuman bunga teluki berserta ucapan 'Selamat Hari Ibu'.



**KETUA Menteri beramah-mesra dengan salah seorang peniaga selepas menyerahkan kuntuman bunga teluki kepadanya sempena sambutan Hari Ibu di sini baru-baru ini.**



**AHLI Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari dan keluarganya ketika meraikan sambutan Hari Ibu bersama-sama peserta senamrobik di Taman Perbandaran di sini baru-baru ini.**

# Nekad bangunkan infrastruktur sukan demi kecemerlangan atlet

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri akan terus membangunkan infrastruktur-infrastruktur sukan di Pulau Pinang bagi meningkatkan pencapaian para atlet negeri dalam bidang tersebut.

Perkara tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika berucap pada Majlis Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang 2016 di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut diserikan dengan kehadiran Yang di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas bersama isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

"Sekiranya tiada kemudahan asas sukan, susah kita mahu bangunkan bidang ini... justeru Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini telah menyiapkan Kompleks Sukan Bandaraya Relau bernilai hampir RM21 juta bagi kegunaan sukan badminton dan sukan renang (saiz olimpik).

"Kita juga merancang membina sebuah veledrom (balapan lumba basikal) dan padang bola sepak berhampiran *Queensbay Mall*. Itu untuk kemudahan di kawasan pulau," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon; Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng; Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin; Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Farizan Darus; ADUN-ADUN; Pengerusi Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Datuk Frederick Tan dan para atlet.

Tambah Guan Eng, kawasan Seberang Perai juga tidak terkecuali dalam pembangunan infrastruktur kemudahan asas sukan.

"Kerajaan Negeri akan bina stadium hoki di Bukit Mertajam. Kita (Kerajaan Negeri) juga akan bina satu lagi kolam renang (saiz olimpik) dekat kawasan Butterworth dan menaik taraf kolam lama di Seberang Jaya.

"Tidak cukup dengan itu, kita (Kerajaan Negeri) juga akan bina kompleks sukan bola keranjang dan wushu di Batu Kawan setelah mendapat persetujuan dari dua persatuan sukan tersebut," jelasnya.

Dalam pada itu, Chong Eng ketika berucap sempat merumuskan kejayaan-kejayaan atlet Pulau Pinang sepanjang tahun 2016.

Dalam anugerah sukan tertinggi negeri itu, seperti diduga, Datuk Lee Chong Wei (badminton) dinobatkan sebagai pemenang anugerah utama iaitu Anugerah Perdana TYT Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang 2016.

Ini menjadikan Chong Wei berjaya menggondol anugerah tersebut buat kali keenam.

Bagi anugerah Olahragawan, Chong Wei sekali lagi menjulang anugerah tersebut, manakala Olahragawati dinobatkan kepada Datuk Nicol Ann David.

Chong Wei ketika ditemui menyatakan bahawa beliau berterima kasih kepada Kerajaan Negeri dan MSNPP yang terus menghargai jasa beliau dalam mengharumkan nama negara dan negeri Pulau Pinang.

"Saya akan cuba buat yang terbaik untuk setiap kejohanan sebagai membalas kepercayaan yang diberikan kepada saya. Mungkin Sukan Asia 2018 di Indonesia adalah pentas terakhir saya untuk temasya itu.

"Bagi Olimpik Tokyo saya kurang pasti, apa pun bergantung kepada keupayaan fizikal saya seperti faktor usia, kecederaan dan sebagainya yang mungkin mampu mengganggu persiapan saya ke acara tersebut," jelasnya.

Antara senarai atlet yang turut memperoleh pengiktirafan pada majlis berkaitan, Atlet Harapan Lelaki, Mohammad Syahir Mohd. Rosdi (sepak takraw); Atlet Harapan Wanita, Cherlene Cheung (karate); Pasukan Lelaki Terbaik (karate-kata); Pasukan Wanita Terbaik (karate-kata); Atlet Paralimpik Lelaki Terbaik, Yoong Chung Wei (renang); Atlet Paralimpik Wanita Terbaik, Koh Lee Peng (renang); Jurulatih Terbaik, Lim Lee Lee (karate) dan Kepimpinan Terbaik, Datuk Seri Ahmad Ismail (sepak takraw).



**PEMINAT-peminat muda tidak melepaskan peluang berswafoto dengan Lee Chong Wei pada malam Anugerah Sukan Pulau Pinang 2016 di sini baru-baru ini.**

**PEMBERITAHUAN**

**Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Paras 25, Komtar, 10503 George Town, Pulau Pinang, Malaysia.

**LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (EIA) (JADUAL KEDUA) BAGI PROJEK "CADANGAN KERJA PENEBUSGUNAAN TANAH DAN PENGOREKAN BAGI PENANG SOUTH RECLAMATION (PSR), PULAU PINANG"**

Dimaklumkan bahawa Jabatan Alam Sekitar (JAS) sedang mengkaji Laporan EIA bagi cadangan projek yang dinyatakan di atas. Orang awam dijemput untuk menyemak dan memberi maklum balas bertulis berkenaan Laporan EIA yang dipamerkan di lokasi-lokasi yang disenaraikan seperti berikut:-

| NO | LOKASI | NO | LOKASI |
|---|---|---|---|
| 1 | Perpustakaan Negara Malaysia<br>232, Jalan Tun Razak<br>50572 Kuala Lumpur | 7 | Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Selatan<br>14200 Sungai Jawi, Pulau Pinang |
| 2 | Perpustakaan<br>Jabatan Alam Sekitar<br>Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar<br>Aras 2, Podium 3, Wisma Sumber Asli<br>No. 25, Persiaran Perdana<br>62574 Putrajaya | 8 | Balai Polis Teluk Kumbar<br>Jalan Gertak Sanggul, 11910<br>Teluk Kumbar, Pulau Pinang |
| 3 | Perbadanan Perpustakaan Awam<br>Negeri Pulau Pinang<br>JKR 2118 Jalan Perpustakaan<br>Seberang Jaya, 13700<br>Prai, Pulau Pinang | 9 | Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN)<br>Gertak Sanggul, Jalan Gertak Sanggul, 11910<br>Bayan Lepas, Pulau Pinang |
| 4 | Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang<br>Paras 3, Komtar, 10503<br>George Town, Pulau Pinang | 10 | Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN)<br>Permatang Damar Laut, Jalan Permatang Damar Laut,<br>11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang |
| 5 | Dewan Bandaran, MBPP<br>Jalan Padang Kota Lama, 10200<br>George Town, Pulau Pinang | 11 | Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang<br>Aras Bawah - Zon B,<br>Wisma Persekutuan, Seberang Perai Utara, 13200<br>Kepala Batas, Pulau Pinang |
| 6 | Majlis Perbandaran Seberang Perai<br>Jalan Perda Utama, Bandar Perda, 14000<br>Bukit Mertajam, Pulau Pinang | 12 | Jabatan Alam Sekitar Cawangan Bayan Lepas<br>1-3-16, Krystal Point Corporate Park,<br>Lebuh Bukit Kecil 6, 11900<br>Bayan Lepas, Pulau Pinang |

Orang awam boleh menyemak Laporan EIA tersebut bermula dari **24 Mei 2017** hingga **23 Jun 2017** pada waktu pejabat (8.00 pagi - 5.00 petang) dan mengemukakan ulasan bertulis kepada Jabatan Alam Sekitar sebelum **7 Julai 2017**. Ulasan bertulis tersebut hendaklah dikemukakan kepada:-

**Ketua Pengarah**
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Aras 2, Podium 3, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
62574 PUTRAJAYA
**(U/p: Bahagian Penilaian Alam Sekitar – Urusetia EIA)**
Tel: 03-8871 2000, Faks: 03-8889 1045

Orang awam boleh memperolehi satu set Laporan EIA dengan harga **RM 2,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Sahaja)** daripada Dr. Nik & Associates Sdn. Bhd. Sila hubungi talian 03-4145 8888/ faks kepada 03-4145 8877/ emel kepada dnasbenvironment@gmail.com untuk maklumat lanjut.

Orang awam juga boleh melayari laman web www.doe.gov.my/ www.drnik.com.my/ www.penang.gov.my untuk merujuk Laporan EIA projek ini.

## Sambutan Pesta Gawai & Kaamatan medan terbaik penyatuan kaum

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng mengajak rakyat negeri ini bersama-sama meraikan Pesta Gawai dan Kaamatan dengan semangat kekitaan tanpa mengira perbezaan bangsa dan agama.

Beliau berkata, ianya bertepatan dengan tema sambutan iaitu 'Keunikan Pencetus Keharmonian' yang menggambarkan penyatuan rakyat negeri ini tanpa perbezaan fahaman dan ideologi.

"Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia merupakan asas pembentukan Malaysia.

"Tanpa Sabah dan Sarawak, tak ada Malaysia," ujarnya pada Majlis Sambutan Pesta Gawai dan Kaamatan 2017 di perkarangan Fort Cornwallis di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai dan Pengurus Penganjuran, Pastor Jo.

Kira-kira 1,000 rakyat peribumi Sabah, Sarawak serta warga negeri Pulau Pinang membanjiri acara sambutan berkaitan.

Dalam pada itu, Guan Eng memberitahu, autonomi rakyat Sabah dan Sarawak seharusnya diberikan perhatian kerana mereka adalah sebahagian Malaysia.

"Kita kena hormati autonomi daripada Sabah dan Sarawak.

"Kita kena ingat hak rakyat Sabah dan Sarawak, dapatkan mereka hasil negeri yang lebih dengan mendapatkan hak royalti minyak daripada 5 peratus kepada 20 peratus.

"Kerajaan Negeri yakin sekiranya rakyat Sabah dan Sarawak diberikan peluang yang sama, mereka akan lebih maju lagi," ujarnya.




**BARISAN peserta yang mengambil bahagian dalam Tarian Etnik dan Ratu Cantik (Kumang/Keling/Unduk Ngadau) menggayakan pakaian tradisional masing-masing pada penganjuran Hari Gawai dan Kaamatan 2017 di sini baru-baru ini.**

# Prestasi kewangan Kerajaan Negeri sihat, rakyat rasai kesenangan

**BAGAN DALAM -** Begitu banyak program sumbangan kebajikan dinikmati rakyat Pulau Pinang sejak 2008 kerana prestasi kewangan Kerajaan Negeri hari ini saban tahun berada dalam keadaan sihat.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, **prestasi sihat kewangan Kerajaan Negeri tersebut turut dipuji dalam Mesyuarat Majlis Kewangan Negara sebelum ini.**

**"Hutang tertunggak paling banyak adalah negeri Pahang iaitu negeri Perdana Menteri sendiri (Pahang)... di situ (Mesyuarat Majlis Kewangan Negeri) dicakap hutang (tertunggak) paling kecil adalah Pulau Pinang sebanyak RM69 juta.**

**"Daripada segi prestasi kewangan, memang kita (Kerajaan Negeri Pulau Pinang hari ini) jauh lebih baik berbanding era BN (Barisan Nasional).**

**"(Prestasi kewangan Kerajaan Negeri) kita baik adalah penting, malah yang lebih penting adalah rakyat merasai kesenangan sekarang lebih baik berbanding dahulu (Kerajaan Negeri era Barisan Nasional),"** ujarnya yang juga Setiausaha Agung Parti Tindakan Demokratik (DAP) Kebangsaan pada Majlis Penerangan Ketua Menteri Bersama-sama Komuniti India di Dewan Sri Mariamman di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, hutang terkumpul Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Kerajaan Persekutuan sebelum tahun 2008 adalah berjumlah RM625.44 juta, dan kini tinggal hanya RM69.36 juta.

Sebelum itu, Penasihat Strategik Kepada Ketua Menteri, Datuk Saifuddin Nasution Ismail ketika berucap memberitahu, prestasi kewangan Kerajaan Negeri yang sihat ketika ini akhirnya dinikmati dalam pelbagai bentuk bantuan kebajikan di bawah Program i-Sejahtera umpamanya.

"Apabila prestasi kewangan Kerajaan Negeri sihat, barulah semua kaum termasuk komuniti India di negeri ini dapat menikmati pelbagai program bantuan kebajikan secara langsung.

"Kerajaan Negeri beri peruntukan lebih RM84,000 setiap tahun bagi tujuan pendidikan Tamil di Pulau Pinang, dan dana ini antaranya digunakan untuk melaksanakan kelas-kelas bahasa Tamil di sekolah-sekolah kebangsaan.

"Sehingga tahun 2017, sejumlah RM17.09 juta peruntukan Kerajaan Negeri lulus untuk keperluan sekolah Tamil, tadika Tamil, sekolah Punjabi dan Tabung Khas Pendidikan Tamil," jelasnya yang juga Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat (PKR) Nasional.

Justeru, menurut Saifuddin, ada faktor yang besar buat rakyat, khususnya komuniti India di negeri ini untuk terus memberi mandat sokongan kepada Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini, pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) nanti.




**PROF. Dr. P. Ramasamy ketika memberi ucapan pada Majlis Penerangan Ketua Menteri Bersama-sama Komuniti India di sini baru-baru ini.**

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga ADUN Perai; ADUN Bagan Dalam, A. Tanasekharan; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani dan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ram Karpal Singh turut berucap pada majlis tersebut.

## Projek tebatan banjir & saliran Taman Iping bakal manfaat 400 isi rumah

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**BATU MAUNG –** Kerajaan Negeri melalui kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSPP) telah mereka bentuk pelan tebatan banjir dan sistem saliran bagi mengawal masalah banjir kilat di kawasan perumahan Taman Iping serta kawasan perindustrian di sini.

Sebagai pelan jangka panjang, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan RM13.6 juta bagi pelaksanaan projek tersebut yang bakal memberi manfaat kepada lebih 400 isi rumah dan beberapa pusat perindustrian serta komersial sekitar sini.

Penolong Pengarah Kanan Pengurusan Banjir JPSPP, G. Yogendran berkata, kejadian banjir kilat yang sering melanda kawasan tersebut adalah dipengaruhi oleh faktor pasang surut paras laut.



**ABDUL Malik Abul Kassim (dua dari kiri) dan Sim Tze Tzin (tengah) meneliti pelan kerja-kerja menaik taraf melibatkan kawasan Sungai Nipah di sini baru-baru ini.**

"Kawasan tadahan Sungai Nipah meliputi kawasan yang mempunyai keluasan lebih kurang 3.3 kilometer (km) dengan panjang sungai tersebut adalah kira-kira 1.77 km sehingga ke laut.

"Kerja-kerja menaik taraf saliran sedia ada akan dimulakan pada Oktober ini dan dijangka mengambil masa kira-kira dua tahun untuk disiapkan sepenuhnya iaitu pada Oktober 2019," jelasnya pada sidang media berhubung projek berkenaan dekat lokasi di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim; Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin dan Jurutera Kanan JPSPP, Haslinda Mohamad Hamran.

Projek berkaitan bakal melibatkan kerja-kerja menaik taraf saliran sedia ada sepanjang 600 meter (m), parit monsun (650m), *crossing* (65m) di sebuah lokasi, pembinaan dua rumah pam baharu, pembinaan kolam takungan dan pengalihan utiliti.

Dalam pada itu, Abdul Malik melahirkan rasa syukur di atas perkembangan projek berkenaan yang sedikit-sebanyak akan membantu mengurangkan masalah banjir di kawasan terlibat, yang sekian lama telah terdedah kepada bencana sedemikian.

"Saya berharap projek ini akan siap secepat mungkin dan penduduk sekitar diharap dapat memberi kerjasama penuh serta bersabar dengan kesulitan-kesulitan yang dihadapi sepanjang projek ini berjalan," ujarnya.




**PELAN cadangan projek tebatan banjir dan kerja menaik taraf sistem saliran di sekitar kawasan Taman Iping.**



# RM3 juta baik pulih bangunan warisan Kategori 2 milikan MBPP

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**



LAKARAN grafik projek sebelum dan selepas projek naik taraf.



NOORHANIS Noordin memberikan penerangan ringkas kepada Ketua Menteri, Chow Kon Yeow (tengah) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Pelancaran Cadangan Naik Taraf Unit Bangunan di Lebuh Kimberley di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Sebanyak enam unit bangunan dekat Lebuh Kimberley yang dikategorikan sebagai Bangunan Warisan Kategori 2 di Tapak Warisan Dunia George Town kini dalam proses dibaik pulih.

Projek membaik pulih bangunan-bangunan milikan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang masing-masingnya di premis bernombor 94, 96, 98, 100, 102 dan 102A adalah merupakan kerjasama di antara MBPP, *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI), Think City Sdn. Bhd. (ThinkCity), *Penang Heritage Trust* (PHT) dan *Penang Apprenticeship Programme for Artisans (PAPA)*.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapan pelancarannya berkata, satu penilaian struktur telah dijalankan oleh MBPP pada 2007 dan mendapati bahawa semua struktur bangunan berada dalam keadaan usang serta mengalami kerosakan ketara.

"Bangunan-bangunan ini merupakan bangunan warisan Kategori 2 yang terletak di dalam Zon Penampan Tapak Warisan Dunia George Town dengan gaya Senibina Eklektik 'Cina Selatan'.

"Daripada penilaian yang dijalankan ke atas bangunan berusia lebih 100 tahun ini, didapati terdapat keretakan dinding pemisah yang teruk dan struktur lantai kayu serta papan di bahagian atas bangunan telah pun reput.

"Selepas kerja-kerja menaik taraf keenam-enam unit bangunan ini siap, ia akan diubah suai kepada lapan ruangan baharu yang mana bangunan beralamat 34, 36, 102 dan 102A akan dibahagikan kepada enam ruangan.

"Manakala, unit 98 dan 100 masing-masing akan turut dibaik pulih sebagai rumah kedai yang bakal didiami dua penghuni berasingan," jelasnya pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Teh Lai Heng (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Komtar), Lau Keng Ee (ADUN Pengkalan Kota), Ng Wei Aik (Ahli Parlimen Tanjung), Ar. Yew Tung Seang (Setiausaha Bandaraya) dan Noorhanis Noordin (Pengarah Warisan MBPP).

Difahamkan, kos projek berkaitan menelan belanja sebanyak RM3 juta yang mana kerja-kerja menaik taraf telahpun bermula pada pertengahan Februari lalu dan dijangka siap pada Jun 2018.

Dalam pada itu, Tung Seang ketika berucap menjelaskan bahawa kerja-kerja membaik pulih perlu dijalankan mengikut tatacara kerja pembaikan dan pemuliharaan yang betul iaitu mengikut peraturan warisan selaras dengan Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia George Town yang telah diwartakan pada 1 September 2016.

"Selain dari kerja-kerja membaik pulih dan pengubahsuaian secara fizikal, projek ini juga menerapkan kriteria *Green Building Index* (GBI)," jelasnya.

## Afif rakam penghargaan hari kelahirannya disambut serentak Kempen Derma Darah PDC



**DR. Afif Bahardin beramah-mesra dengan para penderma yang mengambil bahagian dalam penganjuran Kempen Derma Darah di pasar raya besar Mydin Jalan Baru di sini baru-baru ini.**

**SEBERANG JAYA -** Hari lahir Dr. Afif Bahardin pada tanggal 13 Mei disambut sehari awal secara mengejut dan sederhana oleh penganjur Kempen Derma Darah di pasar raya besar Mydin Jalan Baru di sini baru-baru ini.

Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan merakamkan penghargaan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Persatuan Bekas Pelajar Maktab Rendah Sains Mara Malaysia (ANSARA) dan beberapa wakil penganjur lain.

"Tidak sangka ulang tahun kelahiran saya disambut sehari awal (12 Mei).

"Mengejutkan...mujur saya tiada lagi sakit jantung atau darah tinggi," selorohnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Afif ketika berucap turut memuji kerjasama sektor korporat dengan pihak hospital-hospital kerajaan ini dalam memastikan bekalan darah mencukupi di Pulau Pinang.

Selain di sini, difahamkan, penganjuran Kempen Derma Darah serupa turut dilangsungkan pada hari berasingan di konkos Komtar dekat George Town.

## Tidak mustahil The Habitat diiktiraf UNESCO sebagai Hutan Simpanan Biosfera Kekal

**BUKIT BENDERA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yakin tarikan terbaru di atas Bukit Bendera, The Habitat mampu muncul sebagai pusat eko-pelancongan bertaraf dunia.

Malah, juga tidak mustahil The Habitat diiktiraf oleh Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai Hutan Simpanan Biosfera Kekal.

"Sekarang ini, cuma dua kawasan menerima pengiktirafan daripada UNESCO iaitu Taman Negara Banjaran Crocker di Sabah dan Hutan Royal Belum di Perak.

"The Habitat berkemungkinan menerima pengiktirafan tersebut selepas kawasan hutan di Merbok, Kedah yang dikhabarkan bakal menerima pengiktirafan yang sama tidak lama lagi," ucapnya di Simposium Kedua Kajian Hutan Simpanan Bukit Bendera Sebagai Hutan Biosfera Kekal di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera (PHC), Cheok Lay Leng; Pengarah Pacific Tiger Group Limited, Reza Cockrell; Pengarah Urusan The Habitat, Allen Tan Heng Poe dan penyelidik dari Akademi Sains California, Dr. Meg Lowman.

Guan Eng dalam pada itu menegaskan, selain memelihara dan memulihara kawasan hutan untuk masa hadapan, tindakan tersebut juga penting sebagai punca tadahan air.

"Langkah ini (memelihara dan memulihara) mampu mengekalkan keseimbangan ekosistem dan tidak mengganggu alam sekitar. Sepertimana yang semua tahu, kita (Kerajaan Negeri) amat menitikberatkan kawasan tadahan hujan selaras dengan prinsip Kerajaan Negeri yang 'tidak mahu catuan air' di negeri ini.

"Jadi, apabila hutan dijaga sepenuhnya, maka sumber air juga tidak akan terganggu ," katanya.

Pada simposium tersebut, pakar-pakar perhutanan dan warisan dari dalam dan luar negara berkongsi pentas untuk menambah baik idea bagi menjadikan hutan hujan berusia 130 juta tahun di atas Bukit Bendera berkaitan sebagai Hutan Simpanan Biosfera Kekal di negeri ini.

# PPR Desa Wawasan sertai Projek Penyertaan Rakyat

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADUN**

**PADANG LALANG -** Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berharap Program Penyertaan Rakyat yang dibawa Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) ke PPR Desa Wawasan dekat kawasan Parlimen Bukit Mertajam akan memperkasakan lagi komuniti setempat.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Karnival Suai-Mesra dan Sesi Perbincangan Projek Penyertaan Rakyat di sini baru-baru ini.

"Pada hari ini, kita sedang menjalankan satu program yang dinamakan Projek Penyertaan Rakyat.

"Ia adalah merupakan salah satu langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mendapatkan suara dan penyertaan daripada berbagai-bagai kumpulan masyarakat, termasuk golongan wanita dan lelaki, belia, remaja dan kanak-kanak dalam proses membuat sesuatu keputusan dana awam Kerajaan Negeri," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang pada majlis berkaitan.

Chong Eng memberitahu, beliau bangga kerana Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Wawasan dipilih daripada 13 PPR di negeri ini sebagai lokasi Projek Penyertaan Rakyat berkaitan.

"Saya harap semua penduduk menghargai kelebihan yang diberikan kepada anda.

"Saya percaya dengan pelaksanaan projek ini di PPR Desa Wawasan, ia akan memberikan manfaat dan impak positif kepada semua penduduk di sini," ujarnya.



CHONG Eng (empat dari kanan) dan Jagdeep Singh Deo (empat dari kiri) ketika hadir melancarkan Karnival Suai-Mesra dan Sesi Perbincangan Projek Penyertaan Rakyat di sini baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, Chong Eng memberitahu bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang hari ini akan terus menyokong dan bekerja keras untuk membolehkan komuniti, khususnya golongan wanita dan juga lelaki memperbaiki taraf hidup masing-masing, selain turut menyumbang kepada pembangunan negeri ini.

Bercakap pada majlis sama, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo turut berharap Projek Penyertaan Rakyat tersebut dapat mendorong penduduk PPR Desa Wawasan menyelesaikan tunggakan bayaran sewa yang kian meningkat.

Menurut rekod Kerajaan Negeri, katanya, bayaran tertunggak di sini sehingga bulan April 2017 adalah lebih RM1.7 juta.

"Sekiranya anda menunaikan tanggungjawab anda untuk membayar sewa bulanan, ia akan memberi manfaat kepada anda dan keluarga anda, termasuk semua penduduk di sini, kerana wang tersebut akan digunakan untuk menjalankan pelbagai projek dan program untuk anda di Desa Wawasan," serunya yang juga ADUN Datuk Keramat.

Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong antara pemimpin yang menyertai karnival dan projek komuniti berkenaan.

## PBAPP johan keseluruhan perbarisan Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2017

**PBA BOLEH, PENANG BOLEH...** "PBA Boleh! Penang Boleh! Kita adalah juara!" merupakan laungan kemenangan Kontinjen Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) yang dinobatkan sebagai Kontinjen Terbaik sekaligus menjadi johan perbarisan keseluruhan sempena Sambutan Hari Pekerja Peringkat Kebangsaan 2017 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Putrajaya.

Ekoran kemenangan tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa menzahirkan ucapan tahniah dan terima kasih atas kerja keras serta usaha gigih ditonjolkan 80 anggota kontinjen yang mengambil bahagian dalam perhimpunan tahunan sempena Hari Pekerja, 1 Mei lalu.

"Saya percaya, jika Pulau Pinang Boleh, PBAPP juga boleh kerana menjadi juara di peringkat nasional setelah menewaskan hampir 200 kontinjen lain seluruh Malaysia yang mengambil bahagian," katanya pada pada sidang media di sini baru-baru ini.

Nada sama turut disuarakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Trofi kemenangan disampaikan oleh Perdana Menteri kepada Ketua Kontinjen PBAPP, Mohd. Zulkifli Abdul Hamid.

Mohd. Zulkifli ketika ditemui berkata, beliau tidak menyangka kontinjen PBAPP akan menang.

"Apatah lagi apabila terdapat 200 kontinjen dari seluruh Malaysia menyertainya.

"(Dan) alhamdulillah, kami berjaya," ujar beliau.



IR. Jaseni Maidinsa (berdiri, enam dari kanan) bersama-sama para anggota kontinjen pasukan kawad PBAPP merakam gambar kenangan sambil menjulang piala dimenangi selepas majlis sidang media di sini baru-baru ini.

• Perlukan ..... Modal Tambahan? • Ingin..... Kembangkan Perniagaan?
• Dapatkan Pinjaman Mikro Kredit PTSR Segera!!!

TANPA CAGARAN & PENJAMIN

PINJAMAN MIKRO KREDIT PROJEK TITIAN SAKSAMA RAKYAT (PTSR) NEGERI PULAU PINANG

RM1,000 - RM6,000 (PINJAMAN PERTAMA)
TEMPOH BAYARAN BALIK 1 TAHUN
TANPA FAEDAH

MAKSIMA RM20,000 (PINJAMAN KALI KE-2, KE-3 & KE-4)
TEMPOH BAYARAN BALIK 2 TAHUN
8% FAEDAH SETAHUN

SYARAT KELAYAKAN
• Warganegara Malaysia berumur antara 18-60 tahun • Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
• Mempunyai lesen perniagaan dan telah berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan

HUBUNGI: Unit PTSR, Bahagian Pembangunan Usahawan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
Bangunan Tun Dr. Lim Chong Eu, No.1, Persiaran Mahsuri, Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel: 04-634 0111 (samb: 141/125/182/354/479) Faks: 04-642 6916

# Kerjasama Kerajaan Negeri, NGO sedia penjagaan kesihatan optimum rakyat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BUKIT MERTAJAM -** Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) diseru untuk bersama-sama Kerajaan Negeri memperjuangkan penjagaan kesihatan rakyat di Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, NGO bukan sahaja memperjuangkan suatu-suatu kepentingan awam, malah juga mampu berperanan dalam penjagaan kesihatan umum.

"Saya berharap lebih banyak NGO tampil bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam menyediakan penjagaan kesihatan yang optimum kepada rakyat.

"Sekiranya lebih banyak NGO sudi bekerjasama, saya percaya Pulau Pinang mampu menjadi negeri yang lebih sihat," ucapnya pada program pemeriksaan kesihatan dan derma darah anjuran *One Hope Charity & Welfare Berhad* (One Hope Charity) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng, Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong.



**BARISAN penganjur tidak melepaskan peluang berswafoto dengan Ketua Menteri pada penganjuran program pemeriksaan kesihatan dan derma darah anjuran One Hope Charity di sini baru-baru ini.**

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubok, Lee Khai Loon; Pengerusi One Hope Charity, Chua Sui Hau dan Datuk Seri R. Arunasalam, Penasihat One Hope Charity.

Pada majlis berkaitan, Guan Eng turut mengumumkan sumbangan berjumlah RM50,000 kepada One Hope Charity bagi membiayai perkhidmatan penjagaan kesihatan dan kebajikan badan bukan kerajaan berkenaan.

Dalam perkembangan sama, beliau turut menyatakan komitmen Kerajaan Negeri untuk terus menyediakan pelbagai program kesihatan dan kebajikan untuk manfaat rakyat Pulau Pinang.

"Hal ini terbukti apabila Kerajaan Negeri melalui usahasama dengan pihak swasta dan NGO telah berjaya membangunkan pusat rawatan dialisis bersubsidi di Pulau Pinang.

**"Kita (Pulau Pinang) ada tiga pusat dialisis iaitu Pusat Dialisis CAT Balik Pulau, Pusat Haemodialisis Masjid At-Taqwa di SPU (Seberang Perai Utara) dan MAA Medicare Dialysis Centre di SPT (Seberang Perai Tengah).**

**"Pesakit (yang layak) akan dibiayai (secara subsidi) oleh Kerajaan Negeri sebanyak RM30 bagi setiap rawatan.**

"(Dan) inilah yang kita (Kerajaan Negeri) harapkan, lebih banyak usahasama dapat dijalinkan terutama dalam penyediaan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat," ujar Guan Eng.

Program pemeriksaan kesihatan dan derma darah merupakan program tahunan One Hope Charity.

Tahun lalu, NGO tersebut membelanjakan sehingga RM2.08 juta bagi keperluan kos perubatan, kos pengebumian, makanan percuma serta bantuan bulanan makanan.

Sejak 15 tahun penubuhan One Hope Charity, sejumlah RM7 juta telah dibelanjakan untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada lebih 10,000 individu kurang berkemampuan.



# Anak muda Malaysia berhak untuk menyuarakan pandangan mereka

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Felo Penang Institute**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

**SAYA** merujuk kepada kenyataan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia, Datuk Seri Zainal Rahim Seman yang dipetik sebagai berkata bahawa kerajaan berhak membatalkan biasiswa kepada mana-mana penerima sekiranya mereka secara terbuka mengkritik kerajaan.

Ugutan yang amat mendukacitakan ini bukanlah yang pertama dan jika kerajaan yang ada kini dikekalkan, pasti bukan yang terakhir kalinya. Anak muda, apatah lagi yang paling cerdas fikirannya di negara ini tidak harus ditakut-takutkan daripada menjalankan hak mereka yang sah, bukan sahaja sebagai warganegara yang bertanggungjawab tetapi juga sebagai pelajar yang kritis.

### *Brain Drain*

Bank Dunia pada tahun 2011 melalui laporannya yang bertajuk, "*Malaysia Economic Monitor: Brain Drain*", menyatakan bahawa bilangan rakyat Malaysia yang berhijrah meninggalkan negara ini telah meningkat tiga kali ganda dalam dua dekad yang lalu. Antara tahun 2000 dan 2010, Malaysia menyaksikan kira-kira satu juta rakyat negara ini berhijrah keluar. Jumlah ini merupakan satu angka yang besar memandangkan penduduk Malaysia hanya sekitar 30 juta orang. Lebih malang lagi, kira-kira satu pertiga daripada mereka yang meninggalkan negara ini adalah golongan profesional muda.

Sebahagian besar daripada mereka yang berhijrah menyatakan persekitaran yang tidak membina fikiran yang kritis dan progresif sebagai antara hambatan utama untuk mereka kekal dalam negara ini. Maka, apabila kerajaan mengugut dan menyekat kebebasan untuk menyatakan pandangan dari peringkat awal lagi, tidak hairan apabila bakat-bakat cemerlang kita 'terpaksa' meninggalkan negara yang mereka cintai.

### Di mana hak pembayar cukai?

Pada masa yang sama, adalah salah untuk kerajaan menafikan hak warganegara yang membayar cukai. Bukan sahaja ibu bapa mereka, malah anak-anak muda juga merupakan pembayar tetap cukai kepada negara. Meskipun belum menyertai tenaga kerja, pelaksanaan cukai GST memastikan setiap orang di negara ini menjadi penyumbang kepada perbendaharaan negara. Oleh itu, kerajaan tidak wajar menyekat hak mereka yang sah untuk mempersoal dan mengkritik dasar-dasar kerajaan.

Tambahan pula, biasiswa kerajaan itu sendiri merupakan dana awam yang sebahagian besarnya dikutip daripada wang cukai. Justeru, tindakan menindas anak muda dengan mengugut untuk menafikan biasiswa yang sebenarnya merupakan hak mereka sebagai dana awam ini adalah amat menjengkelkan dan langsung tidak boleh diterima.

### Ugutan tidak akan melahirkan pemimpin

Setelah lebih 40 tahun dasar mengongkong pelajar seperti Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU) dilaksanakan di negara ini, kita telah mula melihat kesannya. Jelas, budaya menghalang pemikiran kritis gagal melahirkan graduan yang berani dan berdaya saing dalam ekonomi global abad ke-21.

Menurut perangkaan kerajaan sendiri, lebih kurang satu perempat daripada graduan institusi pengajian tinggi awam dan swasta di negara kita gagal mencari pekerjaan. Manakala bagi mereka yang bekerja, 45 peratus hanya menerima gaji bulanan RM1,500 atau kurang. Apakah gunanya mendapat kelulusan tinggi tetapi akhirnya dibebani hutang dan tidak mampu menyara diri?

Kini adalah sukar untuk menemukan graduan yang berketrampilan dan yakin diri. Kebanyakan syarikat yang merungut bagaimana rendahnya kemahiran sosial dan komunikasi graduan kita. Mereka tidak mampu untuk memimpin dan menerajui, sebaliknya menjadi pengikut yang hanya mampu menghafal nombor fail dan mematuhi manual prosedur semata-mata.

Perkembangan ini adalah sesuatu yang tidak membanggakan. Kerajaan tidak berminat untuk memastikan pembangunan modal insan yang berkualiti, dan sebaliknya hanya sibuk memastikan kepatuhan melalui paksaan bagi membolehkan mereka kekal berkuasa.

Saya menyeru agar anak muda sekalian teruskan berfikir dan bersuara. Usah gentar dengan ugutan dan momokan rejim penguasa. Adalah tanggungjawab generasi muda untuk menyedar dan mencerahkan bangsa Malaysia.




ZAIRIL Khir Johari (berbaju hitam) bergambar bersama-sama Pasukan B16 FA Penang yang berjaya mengharumkan nama negeri pada kejohanan antarabangsa di Singapura baru-baru ini.



# Takwim Ramadan 1438H

Waktu Solat, Imsak & Berbuka Puasa Bagi Seluruh Negeri Pulau Pinang

| RAMADAN | HARI | MEI | IMSAK | SUBUH | SYURUK | ZOHOR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1* | Sabtu | 27 | 5:31 | 5:41 | 7:02 | 1:18 | 4:42 | 7:29 | 8:44 |
| 2 | Ahad | 28 | 5:31 | 5:41 | 7:02 | 1:18 | 4:43 | 7:29 | 8:44 |
| 3 | Isnin | 29 | 5:31 | 5:41 | 7:02 | 1:18 | 4:43 | 7:30 | 8:45 |
| 4 | Selasa | 30 | 5:31 | 5:41 | 7:02 | 1:18 | 4:43 | 7:30 | 8:45 |
| 5 | Rabu | 31 | 5:31 | 5:41 | 7:03 | 1:19 | 4:43 | 7:30 | 8:45 |
| 6 | Khamis | Jun | 5:31 | 5:41 | 7:03 | 1:19 | 4:44 | 7:30 | 8:46 |
| 7 | Jumaat | 2 | 5:31 | 5:41 | 7:03 | 1:19 | 4:44 | 7:30 | 8:46 |
| 8 | Sabtu | 3 | 5:31 | 5:41 | 7:03 | 1:19 | 4:44 | 7:31 | 8:46 |
| 9 | Ahad | 4 | 5:31 | 5:41 | 7:03 | 1:19 | 4:45 | 7:31 | 8:46 |
| 10 | Isnin | 5 | 5:31 | 5:41 | 7:03 | 1:19 | 4:45 | 7:31 | 8:47 |
| 11 | Selasa | 6 | 5:31 | 5:41 | 7:03 | 1:20 | 4:45 | 7:31 | 8:47 |
| 12 | Rabu | 7 | 5:32 | 5:42 | 7:03 | 1:20 | 4:45 | 7:32 | 8:47 |
| 13 | Khamis | 8 | 5:32 | 5:42 | 7:04 | 1:20 | 4:46 | 7:32 | 8:48 |
| 14 | Jumaat | 9 | 5:32 | 5:42 | 7:04 | 1:20 | 4:46 | 7:32 | 8:48 |
| 15 | Sabtu | 10 | 5:32 | 5:42 | 7:04 | 1:20 | 4:46 | 7:32 | 8:48 |
| 16 | Ahad | 11 | 5:32 | 5:42 | 7:04 | 1:20 | 4:47 | 7:32 | 8:48 |
| 17** | Isnin | 12 | 5:32 | 5:42 | 7:04 | 1:21 | 4:47 | 7:33 | 8:49 |
| 18 | Selasa | 13 | 5:32 | 5:42 | 7:04 | 1:21 | 4:47 | 7:33 | 8:49 |
| 19 | Rabu | 14 | 5:32 | 5:42 | 7:05 | 1:21 | 4:47 | 7:33 | 8:49 |
| 20 | Khamis | 15 | 5:33 | 5:43 | 7:05 | 1:21 | 4:48 | 7:33 | 8:49 |
| 21 | Jumaat | 16 | 5:33 | 5:43 | 7:05 | 1:22 | 4:48 | 7:34 | 8:50 |
| 22 | Sabtu | 17 | 5:33 | 5:43 | 7:05 | 1:22 | 4:48 | 7:34 | 8:50 |
| 23 | Ahad | 18 | 5:33 | 5:43 | 7:05 | 1:22 | 4:48 | 7:34 | 8:50 |
| 24 | Isnin | 19 | 5:33 | 5:43 | 7:06 | 1:22 | 4:49 | 7:34 | 8:50 |
| 25 | Selasa | 20 | 5:34 | 5:44 | 7:06 | 1:22 | 4:49 | 7:35 | 8:51 |
| 26 | Rabu | 21 | 5:34 | 5:44 | 7:06 | 1:23 | 4:49 | 7:35 | 8:51 |
| 27 | Khamis | 22 | 5:34 | 5:44 | 7:06 | 1:23 | 4:49 | 7:35 | 8:51 |
| 28 | Jumaat | 23 | 5:34 | 5:44 | 7:06 | 1:23 | 4:49 | 7:35 | 8:51 |
| 29*** | Sabtu | 24 | 5:34 | 5:44 | 7:07 | 1:23 | 4:50 | 7:35 | 8:52 |

*"BAGI KAWASAN PUNCAK BUKIT BENDERA KURANGKAN 3 MINIT PADA WAKTU SYURUK DAN TAMBAH 3 MINIT PADA WAKTU MAGHRIB. WAKTU DHUHA : TAMBAH 27 MINIT DARIPADA WAKTU SYURUK"*

* 1 Ramadan (27 Mei) - Tertakluk pada pengistiharan Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia
** 17 Ramadan (12 Jun) - Hari Nuzul al-Quran
*** 29 Ramadan (24 Jun) - Tarikh Melihat Hilal Syawal dan Tertakluk pada pengistiharan Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Malaysia

Diterbitkan oleh:
JABATAN MUFTI NEGERI PULAU PINANG
Tingkat 48, KOMTAR,
10000 George Town, Pulau Pinang.
Tel: 04-263 2975 Faks: 04-263 2985
Laman web : http://mufti.penang.gov.my

FIRMAN ALLAH S.W.T :
"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa."
(Surah Al-Baqarah: ayat 183)

Pada sahur itu ada keberkatan. Sabda Nabi SAW,
Maksudnya: "Bersahurlah, kerana sesungguhnya pada sahur (makanan) itu ada keberkatan." (Riwayat Al Bukhari dan Muslim)

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **AIR PUTIH**<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **PANTAI JEREJAK**<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| **PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **PADANG KOTA**<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **BATU MAUNG**<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| **BAGAN JERMAL**<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| **BATU LANCHANG**<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| **SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| **DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| **BUKIT TAMBUN**<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| **AIR ITAM**<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| **BERAPIT**<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| **MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **TANJONG BUNGAH**<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| **JAWI**<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **PENGKALAN KOTA**<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **BAGAN DALAM**<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| **KEBUN BUNGA**<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **SUNGAI BAKAP**<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| **KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| **PULAU TIKUS**<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| **PERMATANG PASIR**<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| **BUKIT TENGAH**<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbkttengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| **PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| **BATU UBAN**<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| **SERI DELIMA**<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| **BERTAM**<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| **SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| **BAYAN LEPAS**<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| **PULAU BETONG**<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| **TELUK BAHANG**<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **PENAGA**<br>Ramli Omar<br>ramliomar53@gmail.com | 012 - 487 3070 |
| **BERTAM**<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolpkb@gmail.com | 013 - 580 6981 |
| **PINANG TUNGGAL**<br>Muhasdey Muhamad<br>muhasdey@gmail.com | 019 - 437 2887 |
| **PERMATANG BERANGAN**<br>Fahmi Abu Bakar<br>mudiram@gmail.com | 013 - 488 1601 |
| **SUNGAI DUA**<br>Rosli Hassan<br>rosli1971@yahoo.com | 019 - 410 5990 |
| **TELOK AIR TAWAR**<br>Mustafa Kamal Ahmad<br>mustafakamalmkba@gmail.com | 019 - 556 9552 |
| **SUNGAI ACHEH**<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012 - 594 1515 |
| **BAYAN LEPAS**<br>Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | 017 - 594 1976 |
| **PULAU BETONG**<br>Mohd Tuah Ismail<br>mtuah17@gmail.com | 019 - 570 9500 |
| **TELUK BAHANG**<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017 - 460 4849 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637<br>04-263 7000 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | 012 - 445 1767 | Muazah |
| N2 | Bertam | 012 - 466 9681 | Fatimah Bakar |
| N3 | Pinang Tunggal | 017 - 424 9371 | Tasrin Tugemin |
| N4 | Permatang Berangan | 012 - 505 1334 | Farrah Erika |
| N5 | Sungai Dua | 016 - 412 8588 | Zuhair |
| N6 | Telok Air Tawar | 012 - 475 4326 | Mohd. Zamri |
| N7 | Sungai Puyu | 012 - 480 5495 | Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | 013 - 449 0366 | Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | 016 - 473 1963 | Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | 04 - 390 5109 | Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | 010 - 406 2128<br>013 - 595 6865 | Nurafiqah<br>Rosli |
| N12 | Penanti | 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | Tira |
| N13 | Berapit | 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | Mr.Lim<br>Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | Andrew Chin<br>Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | Chan<br>Lai |
| N16 | Perai | 04 - 383 9131 | Sri Sangar |
| N17 | Bukit Tengah | 013 - 518 8735 | Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | G.Dumany<br>Khor |
| N19 | Jawi | 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | Abdul Halim<br>Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | Norjuliana<br>Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | 0111-508 0215 | Siti Hajar Abdul Aziz |
| N22 | Tanjong Bungah | 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | Tina<br>Hezreen |
| N23 | Air Putih | 04 - 829 0614 | Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | 012 - 493 3342 | Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | 017 - 956 3237 | Quah |
| N26 | Padang Kota | 012 - 431 7015 | Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | 012 - 401 1522 | Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | 010 - 811 7300 | Razin |
| N29 | Datok Keramat | 04 - 226 2464 | Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | 04 - 282 6630 | Shuen |
| N31 | Batu Lancang | 04 - 282 6419 | Karuna |
| N32 | Seri Delima | 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | Anne<br>Janet |
| N34 | Paya Terubong | 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | Toon Hoon Lee<br>Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | Jalal<br>Khairul<br>Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | 04 - 646 4700 | Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | Amirulzaman<br>Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | 016 - 231 0806 | Yusof Ismail |
| N39 | Pulau Betong | 012 - 464 3004 | Aidi Akhbal |
| N40 | Telok Bahang | 017 - 413 5695<br>017 - 569 6712 | Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Kumar a/l Kanapathy | 04 - 323 8757<br>016 - 407 6058 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Thomas Loh Wei Pheng | 04-390 6836<br>012 - 409 6836 |
| Woo Sze Zeng (Joshua) | 016 - 557 6672 |
| Zulkifli Ibrahim | 012 - 477 5588 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Ong Jing Cheng | 016 - 445 5709<br>012 - 758 3779 |
| Anuar Yusoff | 04 - 507 5390<br>016 - 4616 390 |
| Dr Amar Pritpal Abdullah | 04 - 582 2020<br>019 - 452 2020 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 04 - 593 5493<br>012 - 507 2229 |
| Fadzil Hj Abdullah | 017 - 343 4464 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 505 7288<br>013 - 430 2096 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Hamizah Abdul Manab | 013 - 591 6344 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | Pejabat Bangunan MPSP , Jalan Betek, Bukit Mertajam | 019 - 457 2271 |
| 5. | A.Veerasamy | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 012 - 451 5938 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2017

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Ahmad Razaaim bin Azimi | 012 - 572 4711<br>016 - 451 9225 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gan Ay Ling | 012 - 401 2265 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Teoh Koon Gee | 016 - 419 1938 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Kala a/p Durai Raj | 016 - 468 4247 |
| Khoo Salma Nasution | 017 - 456 6012 |
| Kumaresan a/l Aramugam | 014 - 945 9621 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Saiful Azwan Abd Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019 - 225 6502 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang Mei - Jun 2017









27hb Mei - 24hb Jun
***Bazar Ramadan***
Lokasi-lokasi terpilih di seluruh Pulau Pinang.


### SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI, ZAINULFAQAR YAACOB,
NORSHAHIDA YUSOFF, WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING, ALISSALA THIAN,
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD

**Jurugrafik:** IDZHAM AHMAD, LOO MEI FERN

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

# Selagi Pakatan mentadbir Pulau Pinang, Kerajaan Negeri akan terus bantu rakyat - Guan Eng

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING & ALVIE CHENG**



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri bergambar bersama-sama para penerima sumbangan pada Majlis Pemberian Insentif Perkhidmatan kepada Pemandu Teksi dan Operator Bas Sekolah Bil. 2/2017 Peringkat Seberang Perai di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyarankan agar semua pemandu teksi termasuk kereta sewa Pulau Pinang memberikan perkhidmatan terbaik kepada para penumpang supaya imej baik pemandu-pemandu berkaitan terserlah di persada antarabangsa.

Perkara sama turut ditekankan kepada operator bas sekolah seluruh negeri agar sentiasa memastikan bukan sahaja perkhidmatan, malah aspek keselamatan diberi perhatian khusus.

Guan Eng berkata demikian ketika hadir merasmikan Majlis Pemberian Insentif Perkhidmatan kepada Pemandu Teksi dan Operator Bas Sekolah Bil. 2/2017 di sini baru-baru ini.

Beliau yang ditemani Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Exco Pembangunan Pelancongan, Law Heng Kiang juga **memberi jaminan bahawa pemberian insentif perkhidmatan berkaitan akan diteruskan pada masa hadapan sekiranya Pakatan Harapan (PH) masih mentadbir negeri Pulau Pinang.**

**"Sungguhpun keadaan ekonomi tidak baik, selagi kita (Pakatan Harapan, PH) mentadbir Pulau Pinang, saya jamin pemberian RM600 setahun akan diteruskan pada masa hadapan.**

**"Lagipun, selagi kita (Kerajaan Negeri) tidak 'makan' wang, kita akan terus sumbangkan wang kepada rakyat melalui pelbagai program kebajikan dan insentif.**

**"Kita (Kerajaan Negeri) akan tetap bantu kerana kita adalah kerajaan untuk rakyat,"** ujarnya yang kemudian disusuli dengan tepuk gemuruh daripada pemandu teksi dan operator bas sekolah yang hadir.

Difahamkan, seramai 1,545 pemandu teksi dan kereta sewa berdaftar layak menerima insentif kali ini.

Manakala, 665 operator bas sekolah dengan permit sah turut menerima sebahagian daripada keseluruhan insentif perkhidmatan yang diperuntukan berjumlah RM663,000 berkaitan.

Insentif perkhidmatan kepada pemandu teksi diperkenalkan sejak tahun 2013, manakala bagi operator bas sekolah (2016).

Turut berucap pada majlis tersebut, Yang di-Pertua Pengerusi Gabungan Pemandu Teksi Pulau Pinang, Abdul Malek Darus dan Pengerusi Persatuan Operator Bas Sekolah (Bahagian Pulau), Loh Choon Beng.

Sementara itu, pada majlis serupa bagi peringkat Seberang Perai, Timbalan Ketua Mengeri II, Prof. Dr. P Ramasamy memberitahu bahawa Kerajaan Negeri senantiasa memberi sokongan kepada pemandu teksi menghadapi saingan daripada perkhidmatan kereta *UBER* dan *GrabCar*.

Beliau bagaimanapun menyatakan bahawa, hal kelulusan operasi kedua-dua perkhidmatan kereta sewa tersebut adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan.

Manakala, bagi Abdul Malik Darus, Kerajaan Pusat dalam isu saingan *UBER* dan *GrabCar* seakan 'pandang sebelah mata sahaja' terhadap nasib pemandu teksi berlesen di tanah air ini.

Justeru, beliau sekali lagi menyeru semua penerima insentif RM300 pada kali ini supaya berkira-kira untuk mengukuhkan sokongan rakyat kepada PH di negeri ini, memandangkan pentadbiran Guan Eng mempunyai pendirian yang jelas membela kebajikan pemandu teksi dan operator bas sekolah.

Turut berucap, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow serta Pengerusi Persatuan Operator Bas Sekolah Pulau Pinang (Seberang Perai), Wu Sim Huat.

## Apa kata penerima:



MD. Kamal Haron.

**MD. KAMAL HARON, 72,** merupakan pesara tentera. Menurutnya, pemberian insentif perkhidmatan oleh Kerajaan Negeri sedikit-sebanyak meringankan bebanan kewangan keluarganya.

"Alhamdulillah, RM600 setahun ni kira banyak membantu meringankan bebanan kewangan. Tambah nak sambut Ramadan ni. Terima kasih kepada Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri kerana prihatin terhadap kebajikan pemandu teksi di Pulau Pinang," ujarnya yang telah memandu teksi sejak 27 tahun lalu.



T. Tamilselvam.

Bagi **T. TAMILSELVAM, 47,** beliau amat berterima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana mewujudkan insentif perkhidmatan sedemikian dalam menjaga kebajikan pemandu teksi.

"Saya sangat gembira apabila menerima insentif ini daripada Kerajaan Negeri sejak empat tahun lalu. Tahniah Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana menjaga kebajikan pemandu teksi seperti kami," katanya dengan nada teruja.



LIM Boon Kooi.



TAN Niew Teng.

Bagi operator bas sekolah, **LIM BOON KOOI, 60,** dan rakannya **TAN NIEW TENG, 56,** turut menzahirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri pimpinan PH.

"Bas sekolah perlu dihantar untuk servis dan sekarang ini, semua benda kena GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan), servis kecil-kecilpun dikenakan GST.

"Jadi, pemberian RM600 setahun ini dapatlah sedikit-sebanyak tampung duit servis dan alat gantian bas sekolah," ujarnya yang telah lebih 40 tahun memandu bas sekolah.

Nada sama turut dikongsi Niew Teng yang menyifatkan pemberian insentif tersebut sebagai usaha Kerajaan Negeri membantu kebajikan operator bas sekolah di Pulau Pinang.

"Sudahlah semua benda kena GST, kos operasi dan alat gantian juga naik, minyak pun sama (naik juga). Sungguhpun ada subsidi daripada Kerajaan Persekutuan, tetapi tak memadai kerana kadang-kadang kami perlukan lebih lagi (minyak)," jelasnya yang lega dengan insentif perkhidmatan yang diterima.

Seorang lagi operator bas sekolah yang hanya mahu dikenali dengan nama **KOAY** turut bersetuju dengan 'luahan' rakan-rakan pemandu lain dan berterima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana menjaga kebajikan pemandu bas sekolah di Pulau Pinang.

"Siapa tak gembira terima duit, duit ini sangat berguna untuk pastikan kami terus bekerja dan bas terus berjalan," jelasnya.



ABDUL Rahim Hamid.

Bagi **ABDUL RAHIM HAMID, 55,** beliau turut bersetuju dengan Niew Teng berhubung kenaikan harga bahan api (minyak) sungguhpun Kerajaan Persekutuan memberikan subsidi kepada pemandu bas.

"Sebelum ini, Kerajaan Persekutuan pernah menarik balik subsidi minyak bas sekolah. Waktu tu memang susah. Sudahlah subsidi dikurangkan, kos bahan api juga meningkat. Sedangkan kos bahan api yang digunakan ikut saiz bas.

"Saya gunakan bas besar, jadi apabila Kerajaan Negeri memberi insentif perkhidmatan RM600 setahun ini, dapatlah menampung sekurang-kurangnya 20 peratus keperluan bahan api untuk bas saya.

"Kalau tidak, saya terpaksa gunakan duit sendiri kerana subsidi yang diberikan adalah terhad untuk kilometer tertentu," katanya yang mengambil murid-murid sekolah dari Teluk Bahang hingga ke George Town.

# Pulau Pinang tiada GST, tapi masih boleh beri bantuan kewangan kepada rakyat - Guan Eng

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar: **ALISSALA THIAN**

**SEBERANG JAYA -** Pakatan Harapan (PH) akan menghapuskan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) jika memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) nanti.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan demikian pada Majlis Sumbangan Program i-Sejahtera Peringkat Seberang Perai Tengah (SPT) dekat Auditorium Kompleks Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Katanya, PH percaya bahawa negara tidak akan bankrap jika cukai itu dihapuskan.

Tegas Guan Eng, dalih negara akan bankrap jika GST dihapuskan hanya dakyah pemimpin Umno dan Barisan Nasional (BN).

"Mereka (Barisan Nasional) tak ada GST, ekonomi negara akan hancur, ingat kita (rakyat Pulau Pinang) bodohkah?

"Pulau Pinang tidak ada GST, tapi kita (Kerajaan Negeri PH Pulau Pinang) masih boleh memberikan bantuan kewangan kepada rakyat melalui Program i-Sejahtera ini," jelasnya pada majlis berkaitan di sini.

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan menyerahkan RM200 sumbangan wang Anak Emas (bayi baru lahir) kepada 142 penerima, serta RM1,000 sumbangan waris warga emas meninggal dunia kepada 49 penerima lain.

Sebelum itu, Penasihat Strategik Kepada Ketua Menteri, Datuk Saifuddin Nasution Ismail memberitahu, falsafah pelaksanaan cukai menurut Islam adalah mengurangkan jurang kemiskinan antara golongan kaya dan miskin.

"Sebuah kerajaan yang adil akan ambil cukai daripada orang kaya sahaja, dan hasil kutipan ini dikongsi sesama orang miskin.

"Kalau difahami tujuan hakiki pelaksanaan cukai ini, iaitu mengurangkan jurang sosial antara golongan paling kaya dan golongan miskin, GST ini sama sekali tidak dilaksanakan kerana membebankan semua pihak termasuk orang miskin," jelasnya.

Turut berucap, ADUN Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng; Pegawai Koordinator Agenda Ekonomi Saksama (AES) dan Tugas-tugas Khas, Ab Wahab Long dan Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Zulkifli Long antara pemimpin negeri yang hadir pada majlis penerangan dan pemberian sumbangan tersebut di sini.



**DR. Afif Bahardin (dua dari kiri) bersalaman dengan salah seorang penerima sambil diperhatikan Ketua Menteri dan Lim Hock Seng (dua dari kanan) pada Majlis Sumbangan Program i-Sejahtera Peringkat SPT di sini baru-baru ini.**

## Kerajaan Negeri sedia pelbagai platform bentuk modal insan cemerlang

**GEORGE TOWN -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkongsi rahsia kejayaan bersama-sama 194 pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang diraikan dalam suatu Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang SPM 2016 di sini baru-baru ini.

Beliau yang mempunyai latar belakang dalam bidang perakaunan menasihati para pelajar yang hadir supaya jangan gentar mempelajari sesuatu yang baharu.

"Hanya melalui proses pembelajaran yang berterusan seseorang itu mampu mengecapi kejayaan dan sekiranya anda berhenti mempelajari sesuatu, anda sebenarnya berhenti menikmati kehidupan...seperti zombi.

"Malah, belajar untuk berkongsi sama ada ilmu atau pengalaman dengan orang sekeliling yang mana bukan sahaja dapat membantu diri masing-masing, sebaliknya juga dapat menjadikan seseorang lebih kuat dari segi kerohanian dan daya saing," katanya yang turut berkongsi agar para pelajar tidak mudah berputus asa terutama dalam mengejar impian masing-masing.

Guan Eng kemudiannya turut memaklumkan bahawa **Kerajaan Negeri Pulau Pinang hari ini menyediakan pelbagai peluang dan platform dalam membentuk modal insan berpengetahuan tinggi serta cemerlang.**

**"Antaranya, penubuhan *Penang Science Café* di Wisma Yeap Chor Ee dan *Tech Dome Penang* di Komtar yang memberi peluang kepada generasi muda menerokai dunia sains serta teknologi yang menjadi sebahagian daripada keperluan STEM (sains, teknologi, kejuruteraan dan Matematik).**

**"Selain itu, *Penang Digital Library* yang terletak di perkarangan Penang Free School...beroperasi 24 jam sehari bagi memberi peluang kepada pelajar dan orang awam meluangkan masa membaca secara atas talian pelbagai genre bahan bacaan.**

**"Melalui *Penang Future Foundation* (PFF), Kerajaan Negeri menawarkan biasiswa kepada pelajar daripada keluarga yang kurang berkemampuan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi, iaitu sehingga RM60,000 di bawah Biasiswa Mutiara.**

**"Bagi pelajar cemerlang berkelayakan juga, di bawah PFF, Kerajaan Negeri menawarkan biasiswa pengajian sehingga RM100,000 di bawah Biasiswa Pulau Pinang. Syaratnya, selepas tamat pengajian... anda hanya perlu tinggal dan berkhidmat di Pulau Pinang dalam apa jua sektor selama lapan tahun.**

**"Saya percaya, anda pasti akan kembali ke Pulau Pinang (selepas pengajian) untuk terus berkhidmat untuk negeri kita...untuk terus menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan bukan sahaja di Malaysia, malah rantau ini**," ucapnya pada majlis berkaitan.



**NUR Ain Adlina Zainol Abidin diapit ibu bapanya pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang SPM 2016 di sini baru-baru ini.**

Turut berucap, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan & Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai turut sama hadir.

Semua pelajar cemerlang yang diraikan menerima wang tunai berjumlah RM500 beserta sijil penghargaan. Manakala, bagi kategori khas, selain insentif tunai, mereka turut menerima sijil pengiktirafan dan trofi.

Sekolah Menengah (SM) Sains Tun Syed Sheh Shahabudin, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Jit Sin, Bukit Mertajam; Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Transkrian, Nibong Tebal dan MRSM Kepala Batas dinobatkan sebagai sekolah terbaik bagi pencapaian SPM 2016.

### OKU bukan alasan tidak cemerlang akademik

**NUR AIN ADLINA ZAINOL ABIDIN, 18**, merupakan salah seorang penerima Anugerah Khas Terbaik (Kategori OKU) pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang SPM 2016 baru-baru ini.

Dari mata kasar, beliau tampak sempurna, sebaliknya, Nur Ain Adlina mengidap masalah saraf yang dikenali sebagai *Hereditary Motor and Sensory Neuropathy* (HMSN) yang menyukarkannya berjalan seperti biasa.

Meskipun begitu, anak ketiga daripada empat beradik tersebut tidak mudah patah semangat dan baginya, keadaan seperti itu adalah perkara biasa.

"Saya ingin buktikan, walaupun ada kekurangan dan tidak sempurna seperti pelajar-pelajar lain, saya juga mampu berjaya dalam akademik.

"Alhamdulillah, segala usaha, kesusahan dan cabaran dari kekurangan saya ini, saya hadapinya dengan tenang dan memang tidak terduga dipermudahkanNya untuk saya," katanya yang kini menyambung pengajian di *Inti International University and Colleges* dalam *New South Wales TAFE Advanced Diploma of Accounting*.

Anak kepada pasangan Zainol Abidin Ahmad, 52, seorang ahli perniagaan serta Nur Aliza Che Mat, 46, seorang guru di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Ara, sememangnya seorang yang luar biasa.

Menurut ibunya, Nur Ain Adlina dari Sekolah Menengah Kebangsaan (P) St. George. merupakan pelajar cemerlang sejak Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

"Di sekolah, dia seorang yang aktif dan rajin belajar, malah turut pernah bertanding dalam pertandingan catur sehingga ke peringkat negeri.

"Keistimewaan yang dimilikinya, tidak mudah patah semangat menjadi kekuatan kami sekeluarga...semoga dia berjaya sehingga ke akhirat kelak," jelasnya yang turut menjadikan anaknya itu sebagai '*role model*' untuk pelajar-pelajarnya di sekolah.

Dua lagi penerima kategori sama, **LEE HAI JIN, 18**, yang merupakan bekas pelajar Sekolah Menengah Teknik Tunku Abdul Rahman Putra, George Town dan **CHIN CHOW MEIN, 18,** dari SMJK Jit Sin turut berkongsi kegembiraan apabila menerima Anugerah Khas berkenaan. Kedua-duanya memperoleh 8A dalam SPM tahun lalu.

Seramai 656 calon daripada 19,593 pelajar yang menduduki SPM tahun lalu mendapat keputusan cemerlang (A+, A dan A-) dalam semua mata pelajaran dengan peratusan layak mendapat sijil meningkat kepada 82.8 peratus.

Manakala keputusan SPM 2016 mencatatkan Indeks Gred Purata Nasional (GPN) 5.10, iaitu lebih baik berbanding tahun 2015, 5.15.

# Laporan GRB Asia Pasifik, harap laksana komitmen kesaksamaan gender

**PULAU** Pinang telah sekali lagi menempa sejarah di persada dunia dengan berkongsi pengalaman unik dalam melaksanakan inisiatif GRB di Malaysia. Sementara perkembangan GRB di peringkat nasional sejak 2003 tidak begitu memberangsangkan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mendemonstrasikan satu pendekatan yang berbeza dengan menerajui usaha penginstitusian Gender Responsive and Participatory Budgeting (GRPB) di peringkat kerajaan tempatan sejak 2012. GRPB yang juga dikenali sebagai Model Pulau Pinang telah meneroka perkara baharu dalam melaksanakan GRB melalui proses partisipatori.

UN Women telah menerbitkan Laporan Status Gender Responsive Budgeting (GRB) di Rantau Asia Pasifik (A Status Report: Gender Responsive Budgeting (GRB) in the Asia-Pacific Region) yang menyediakan kajian komprehensif ke atas inisiatif GRB yang dilaksanakan oleh 26 buah negara di seluruh rantau Asia Pasifik termasuk Malaysia. Laporan status tersebut merangkumi usaha GRB di rantau tersebut dalam tempoh hampir dua dekad dengan mendokumenkan pelbagai pengalaman GRB termasuklah inisiatif GRB yang telah lama wujud di beberapa negara dan beberapa inisiatif baru di negara-negara yang lain, yang diterajui oleh Kerajaan, Parlimen dan organisasi masyarakat sivil (civil society organisations) di seluruh rantau tersebut.

Salah satu matlamat penting dalam Agenda 2030 untuk Pembangunan Lestari adalah amalan Matlamat Kelima Pembangunan Lestari untuk mencapai kesaksamaan gender dan memerkasakan wanita dan kanak-kanak perempuan. Di bawah matlamat transformatif ini, 193 negara termasuk Malaysia telah memperakui petunjuk tertentu dalam mewujudkan sistem bagi memantau dan merancang peruntukan awam untuk kesaksamaan gender dan pemerkasaan wanita.

Sehubungan dengan itu, laporan tersebut diharap dapat membantu pihak berkepentingan utama termasuk pembuat dasar, ahli parlimen, pegawai kerajan, penyelidik, CSO dan agensi antarabangsa dalam memahami inisiatif GRB dan seterusnya dapat melaksanakan komitmen terhadap kesaksamaan gender dengan lebih berkesan.

Layari https://goo.gl/yjKjMx untuk muat turun salinan *Laporan Status Gender Responsive Budgeting* (GRB) di Rantau Asia Pasifik. Inisiatif GRB di Malaysia dibincangkan dari halaman 135 hingga 140.



**MUKA depan laporan status GRB Asia Pasifik.**

## Sumbangan setiap ahli keluarga kekalkan rumah sihat dan seimbang

**PERBADANAN** Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) bercadang untuk mengetengahkan tema tanggungjawab bersama dalam keluarga Hari Ibu ini. Program "Mama Makes, Papa Bakes, I Shake" dianjurkan bersama dengan 1st Avenue Mall, bersama rakan-rakan sokongan termasuk Happy Event, Jasper Promenade Sdn. Bhd., Ng Kee Cake Shop, Pusat Khidmat YB Lim Siew Khim dan YB Teh Lai Heng, ingin mendekati 50 keluarga dengan idea untuk menghabiskan tugas bersama-sama, daripada meninggalkan semua kerja untuk dipikul seorang.


**PENGARAH PWDC, Ahmad Munawir Abdul Aziz berinteraksi dengan para peserta.**

Di bawah kepimpinan YB Chong Eng, EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, PWDC menjuarai kesaksamaan gender dalam kalangan komuniti awam dan pihak swasta dengan visi untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam semua aspek kehidupan dan lelaki dan perempuan untuk berkongsi tugas bersama-sama di rumah mahupun tempat kerja.

Selaras dengan visi itu, PWDC akan menganjurkan satu program yang menyeronokkan sambil belajar tentang tanggungjawab bersama di rumah pada 14 Mei di 1st Avenue Mall. Setiap pasukan terdiri daripada seorang ibu, ayah dan kanak-kanak berumur 4 hingga 12 tahun akan terlibat dalam lima aktiviti yang sesetengahnya dilakukan bersama-sama manakala yang lain secara individu, untuk menyampaikan mesej bahawa setiap ahli keluarga perlu menyumbang untuk mengekalkan rumah yang sihat dan seimbang.

Selain itu, video berkaitan ibu berkerjaya yang diterbitkan oleh Negeri Pulau Pinang juga akan disiarkan, untuk menunjukkan diskiriminasi terhadap wanita memang wujud,terutamanya ibu berkerjaya. Yang lebih penting adalah mencabar kita untuk menukar status quo untuk kesejahteraan generasi akan datang.

Melalui program ini, PWDC menyeru agar isi rumah yang lebih seimbang dapat diwujudkan. Pendaftaran adalah percuma untuk program ini dan ia terbuka kepada orang ramai. Setiap pasukan akan menerima beg hadiah bernilai sekurang-kurangnya RM60. Sementara itu, enam pasukan terbaik akan diberi baucar tunai bernilai RM600.


**SALAH sebuah keluarga yang menyertai program "*Mama Makes, Papa Bakes,I Shakes*".**

Sila ikuti isu seterusnya untuk mengetahui perjalanan program ini dengan lebih lanjut.

## Hargai individu laksana tanggungjawab tanpa 'bayaran'

**SEMPENA** Hari Pekerja pada bulan Mei, warga dunia mengiktiraf dan menghargai sumbangan semua pekerja terhadap ekonomi dunia. Pada bulan ini juga, kita meraikan Hari Ibu untuk menghargai penjagaan dan kasih sayang mereka terhadap kita serta pengorbanan mereka untuk memastikan kesejahteraan hidup kita.

Dalam ekonomi moden kini, kedua-dua ibu bapa perlu bekerja. Namun situasi peralihan telah wujud dengan lebih banyak bapa yang muda telah membantu melaksanakan kerja rumah, berkongsi tanggungjawab di rumah, menjadi teladan yang baik kepada generasi akan datang dan menjalin hubungan yang utuh dengan anak-anak. Walaupun terdapat perubahan positif ini, tetapi statistik global menunjukkan bahawa wanita menghabiskan lebih tiga kali ganda masa kerja penjagaan tanpa bayaran daripada lelaki. Kerja-kerja tanpa gaji ini termasuklah perkhidmatan untuk kesejahteraan hidup dan kesihatan ahli-ahli keluarga. Ini termasuklah penjagaan anak-anak, warga tua yang uzur serta melaksanakan kerja rumah harian seperti memasak, mencuci dan sebagainya.

Kajian McKinsey Global Institute (MGI) mendapati bahawa, nilai kerja penjagaan tidak berbayar dilakukan oleh wanita adalah bernilai 10 trillion Dollar Amerika Syarikat atau 13% daripada KDNK global. Ketidaksamaan dalam kerja tanpa bayaran ini telah menambah beban wanita yang turut merupakan pekerja berbayar gaji di pasaran kerja.

Sempena perayaan Hari Pekerja dan Hari Ibu, PWDC ingin mempelawa semua pihak menghargai kerja-kerja penjagaan tanpa bayaran yang dilaksanakan oleh wanita dan lelaki. Walaupun kerja yang dilakukan merupakan kerja rumah dan tidak ada peruntukan upah namun kita tidak menafikan sumbangan mereka terhadap pertumbuhan ekonomi kerana mereka telah membantu untuk membebaskan kewajipan ahli-ahli keluarga lain untuk mendapatkan pekerjaan dan menghasilkan pendapatan untuk keluarga.

PWDC ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan "Selamat Hari Pekerja" dan "Hari Ibu"!

# PERTANDINGAN MELUKIS POSTER BERTEMAKAN: "Saya ❤ Pulau Pinang"

**HADIAH UTAMA**
Pertama: RM500
Kedua: RM300
Ketiga: RM200



SAYA ❤ PULAU PINANG
#UntukNegeriKita

1. Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
3. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 42 cm).
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Setiap set penyertaan perlu bertemakan "Saya ❤ Pulau Pinang" dan mempunyai hashtag, #UntukNegeriKita.
7. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
9. Semua karya adalah hak milik penganjur.
10. Tarikh tutup penyertaan, **31 Julai 2017.**

Sila isi butiran berikut:

Nama : ....................

No. Kad Pengenalan: ....................

Alamat: ....................

....................

No. Telefon : (Rumah) .................... (Bimbit) : ....................

Emel: ....................

*Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap.*

---

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 11320
Peminjam : HALIMATON SA ADIAH BINTI MOHAMAD YUSOFF - 85060713****
4514 MK 8, POKOK SENA
13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MOHAMAD YUSOFF BIN HASSAN - 50081207****
BDKT. 394 MK 11, SUNGAI BATU, KAWASAN BUKIT 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHAMAD SHUHAIMI BIN MOHAMAD YUSOFF - 81120901****
NO. 9822 BAKAU TUA, 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 11321
Peminjam : MOHD RAFIZAL BIN RAZALI - 79102207****
573 MK E TITI TERAS
11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 1 : RAZALI BIN IDRIS - 42111107****
NO.573 MUKIM E, TITI TERAS,
11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD RUNZI BIN RAZALI - 68111007****
SEBELAH 334 MUKIM E,
TITI TERAS 11000 BALIK PULAU,
PULAU PINANG

No Akaun : 11323
Peminjam : KAVIGTHA A/P MOHAN KUMAR - 84112907****
THE OASIS, 1C-2-5 JALAN KAKI BUKIT
11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : S NAGARATHINAM A/L A SIVAPERUMAL - 68062607****
NO.41 LORONG BUNGA RAYA
11700 BUKIT GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : SYAMALATHEVI A/P GOVINDARAJOO - 73082507****
NO.41 LORONG BUNGA RAYA
11700 BUKIT GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 11333
Peminjam : IZRIMA BINTI KAMAL - 90070407****
C6-G-09 TAMAN PAUH JAYA,
TAMAN PAUH INDAH
13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : ZARINA BINTI DIN - 63072908****
BLOK A-1-08 TAMAN HAJI MOHD AMIN,
KAMPUNG PERTAMA
13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : IZRAM KHAN BIN KAMAL - 85042008****
BLOK A-1-08 TAMAN HAJI MOHD AMIN,
KAMPUNG PERTAMA
13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 11337
Peminjam : NUR HAZLIZA BINTI SA ADIN - 82050507****
LOT 652-D3, KAMPUNG PADANG BALANG
51100 GOMBAK, SELANGOR
Penjamin 1 : SA ADIN BIN KADIR - 59031907****
NO.5643 PADANG CHEMPEDAK
13310 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2 : AMRAN BIN KADIR - 69052907****
NO.9848 PADANG CHEMPEDAK
13310 TASEK GELUGOR, SPU

No Akaun : 11341
Peminjam : STEPHEN A/L ARAKALAN ARAKIASAMY - 81090907****
28-20-09 TAMAN SRI PINANG, JALAN SUNGAI
10150 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AROKIAMARY A/P FRANCIS - 52092707****
BLOK 7-2-7 LEBUH BATU MAUNG 8, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG
Penjamin 2 : DOROTHY NACHATHIRAM A/P SANTHANA DASS - 79082807****
42A-21-32 SRI SAUJANA JAYA,
LEBUH MACALLUM 10300 PULAU PINANG

No Akaun : 11342
Peminjam : MOHD NOOR REDZA BIN MOHD RADZUAN - 85011702****
201 KUARTERS DBKL PEKAN KEPONG, JALAN 3/34A PEKAN KEPONG 51200 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : MOHD RADZUAN BIN HUSAIN - 55100606****
6 LORONG RAJAWALI 3 , TAMAN BERJAYA
14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : UMI KALSOM BINTI SARIPUDIN - 85022808****
2-0-1 KUARTERS DBKL, JALAN 3/34A,
PEKAN KEPONG 51200 KUALA LUMPUR

No Akaun : 11343
Peminjam : AHMAD IFTYAZANI BIN ZAMBERI - 91052007****
1256-R JALAN PAYA TERUBONG,
AYER ITAM 11060 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ZAMBERI BIN HAMZAH - 67052410****
1256-R JALAN PAYA TERUBONG
11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 2 : RAHAYA BINTI ABDUL SAMAD - 67110507****
6-7-12 JALAN LEMBAH PERMAI
11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG

No Akaun : 11344
Peminjam : MOHAMAD RASHIDI BIN ZAINAL ABIDIN - 82070407****
46-2B TAMAN BAGAN JERMAL,
JALAN KAMPUNG GAJAH
12200 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : MAZNAH BINTI DIN - 48092407****
46-2B TAMAN BAGAN JERMAL, JALAN KAMPUNG GAJAH 12200 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : SITI MARIAM BINTI SAAD - 80122507****
46-2B TAMAN BAGAN JERMAL, JALAN KAMPUNG GAJAH 12200 BUTTERWORTH

No Akaun : 11345
Peminjam : MOHAMED ASYRAF BIN MAHBOOB ALI - 90041307****
100 JALAN MASJID KAPITAN KELING
10200 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMED ZAKI BIN MAHBOOB ALI - 85091707****
100 JALAN MASJID KAPITAN KELING,
10200 PULAU PINANG
Penjamin 2 : AISHA BEE BINTI Y M AHMAD VARUSAI - 59121807****
100 JALAN MASJID KAPITAN KELING,
10200 PULAU PINANG

No Akaun : 11346
Peminjam : MOHD BIYAMIN BIN RAZAK - 86070435****
NO. 28 JALAN ORKID PERMAI,
TAMAN ORKID PERMAI
13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : NOR AINUN BINTI RAZAK - 80042707****
NO.95 MK 13, PADANG MENORA 13310
TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2 : NOR IN BINTI RAZAK - 76082107****
NO.95 MK 13, PADANG MENORA 13310
TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA

No Akaun : 11354
Peminjam : NURHAZWANI BINTI ROSLI - 87070802****
NO. 173-A MK-C, PERMATANG PASIR,
BALIK PULAU 11010 PULAU PINANG
Penjamin 1 : ABDUL RASHID BIN MOHAMAD - 56020407****
150 MK C PERMATANG PASIR
11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : AZIMI BIN AHMAD - 67011402****
2 LORONG PERMATANG PASIR 9,
TMN MANGGIS INDAH, BALIK PULAU
11010 PULAU PINANG

No Akaun : 11294
Peminjam : SITI HAJAR BINTI MUHAMMAD ANUAR - 90032507****
A1-1-03 IDAMAN LAVENDER, LILITAN SUNGAI ARA 3, SUNGAI ARA 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MUHAMMAD ANUAR BIN ABDUL HAMID - 62092007****
RB6-8 PERSIARAN BAYAN 3, TMN TUNAS MUDA, SG. ARA
11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : FATIMAHWATI BINTI ABDUL HAMID - 66032207****
NO. 11 LALUAN DESA TAMBUN 8, DESA TAMBUN, IPOH 31400 PERAK

No Akaun : 11357
Peminjam : MAZIDAH BINTI MAT REJAB - 85031707****
789 PERMATANG TINGGI C, 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1 : MAHAYA BINTI MAT REJAB - 67111307****
NO. 2 LORONG BERTAM INDAH 32,
TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2 : MOHAMAD YUSUF BIN JAMIL - RF171***
NO.196 A KAMPUNG BARU, JALAN SUNGAI TIANG 06750 PENDANG, KEDAH

# ‘*GBS by the Sea*’ harap remajakan ekonomi negeri, FTZ Bayan Lepas

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bakal meremajakan lagi Zon Perindustrian Bebas (FTZ) Bayan Lepas yang berusia lebih 40 tahun ketika ini, dengan pembinaan kompleks pejabat komersial ‘*GBS by the Sea*’ setentangan dengan laut di selatan bahagian pulau kelak.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek pembangunan infrastruktur itu dilaksanakan ketika sektor perkhidmatan global (GBS) negara menyaksikan kadar pertumbuhan tahunan majmuk (CAGR) sebanyak 10 hingga 15 peratus dalam tempoh tiga tahun akan datang.

“Pulau Pinang mesti mengambil bahagian dalam Transformasi Industri 4.0 melibatkan Analisis Data Besar & Data Terbuka, e-dagang, Pengkomputeran Awam (*cloud computing*) dan Internet Untuk Segala-galanya (IoT).

“Kos projek ‘*GBS by the Sea*’ dianggarkan berjumlah RM200 juta, dalam tempoh tiga tahun projek pembinaan ini akan siap.

“Kita cuba melakukan pembaharuan serta meremajakan kawasan yang menjadi ikon ekonomi negeri ini, dan, dengan erti kata lain kawasan ini tidak lama lagi akan dikenali sebagai pusat teknologi,” jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, PDC bakal membina dwi bangunan lapan dan sembilan tingkat untuk ruang pejabat multimedia koridor raya berpusat dengan luas lantai 411,000 kaki persegi, dilengkapi 2,500 parkir bertingkat, lot kedai komersial, yang akan membuka 3,000 lagi peluang pekerjaan baharu.

Tambahnya, ‘*GBS by the Sea*’ berkenaan akan melengkapkan projek pemajuan perdana Penyumberan Luaran Proses Perniagaan (BPO) di Mayang Mall & Technoplex Bayan Lepas di sini.

Sebelum itu, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar membentangkan secara terperinci pelan reka bentuk bangunan yang akan dibina, sebagai melonjak serta menggamit pelabur baharu ke FTZ Bayan Lepas.

“Kita memilih kawasan ini, membuat penjenamaan semula kawasan ini, dengan harapan jenama “*GBS by the Sea*” sebagai pemangkin untuk meremajakan lagi ekonomi negeri.



**ROSLI Jaafar (tiga dari kiri) menjelaskan kepada Ketua Menteri (empat dari kiri) serta dua pemimpin Kerajaan Negeri mengenai pelan reka bentuk ‘*GBS by the Sea*’ dalam sidang media di Komtar baru-baru ini.**

“Kita juga membesarkan saiz pembangunan ekonomi untuk membangunkan ekonomi baharu,” jelasnya sambil memberitahu bahawa projek terbabit PDC tersebut akan menambahkan lagi bilangan peluang pekerjaan mahir baharu.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak dan Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng turut sertai sidang media tersebut.

## Pelaburan RM2 bilion bina hospital swasta terbesar negara cegah ‘*brain drain*’ di P. Pinang

**GEORGE TOWN -** Pembinaan hospital swasta terbesar negara berhampiran Hospital Island yang sedia ada di Pulau Pinang membawa RM2 bilion pelaburan ke negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap **pelaburan terbaru itu dapat mencegah ‘*brain drain*’ atau fenomena penghijrahan tenaga pakar perubatan tempatan ke luar negara yang dihadapi belakangan ini.**

**“Kita akan cipta 2,000 peluang pekerjaan mahir baharu, RM2 bilion pelaburan dengan nilai ekonomi kira-kira RM7 bilion dan yang paling penting adalah membina Pulau Pinang sebagai bandar perubatan**.

“Ini adalah pelaburan bernilai tinggi... mencegah ‘*brain drain*’ daripada kalangan doktor, jururawat dan doktor pakar,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih dan Ahli Parlimen Bagan pada sidang media di sini 19 Mei lalu.

Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri era Barisan Nasional terdahulu direkodkan menjual tanah secara tender tertutup tanah seluas 980 ekar dekat Tanjong Tokong dengan harga RM42.7 juta atau RM1 sekaki persegi; 325 ekar untuk projek *Jelutong Expressway* (RM325 juta atau RM20 sekaki persegi); 750 ekar tanah kepada Abad Naluri di Batu Kawan (RM106 juta atau RM3.24 sekaki persegi) dan 1,606 ekar kepada Rayston Consortium Sdn. Bhd. di Butterworth (RM584.9 juta atau RM8.40 sekaki persegi).

“Manakala, Kerajaan Negeri hari ini sejak tahun 2008 direkodkan menjual secara tender terbuka tanah seluas 1.1 ekar di Jalan Zainal Abidin dekat Taman Manggis dengan harga RM10.2 juta atau RM232 sekaki persegi dan 105 ekar tanah di Bayan Mutiara (RM1.1 bilion atau RM240 sekaki persegi). Rujuk lampiran A.

“Pulau Pinang menjual tanah 36 kali kurang daripada BN, tetapi mendapat lebih banyak wang kerana Pulau Pinang menjalankan tender terbuka awam,” jelasnya.

PERBANDINGAN PENJUALAN TANAH DI PULAU PINANG (BN vs PH)

Penjualan Tanah Oleh Kerajaan BN Dari Awal 90-an Hingga 2008.

| SAIZ TANAH (ekar) | LOKASI | RM pkp | JUMLAH JUALAN (RM) |
|---|---|---|---|
| 980 | Tanjong Tokong | 1 | 42.7 juta |
| 325 | Lebuhraya Jelutong | 20 | 325 juta |
| 750 | Batu Kawan (Jual kepada Abad Naluri) | 3.24 | 106 juta |
| 1606 | Butterworth (Jual kepada Rayston Consortium Sdn. Bhd.) | 8.40 | 584.9 juta |

3661 ekar (Jumlah ) = RM 1.0586 bilion

Penjualan Tanah Oleh Kerajaan Negeri PH Selepas 2008.

| SAIZ TANAH (ekar) | LOKASI | RM pkp | JUMLAH JUALAN (RM) |
|---|---|---|---|
| 1.1 | Jalan Zainal Abidin (Taman Manggis) | 232 | 10.2 juta |
| 105 | Bayan Mutiara | 240 | 1.1 bilion |

106.1 ekar (Jumlah ) = RM 1.1102 bilion

**LAMPIRAN A**



# Luangkan masa 1 minit setiap hari asingkan sisa domestik

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**AIR PUTIH –** Rakyat Pulau Pinang disaran meluangkan masa sekurang-kurangnya satu minit setiap hari untuk mengasingkan sisa domestik di kediaman masing-masing sebagai menjayakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca secara mandatori mulai 1 Jun 2017.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, setiap penduduk di Pulau Pinang membuang sekurang-kurangnya 1.1 kilogram (kg) sampah setiap hari dan sekiranya pengasingan sisa di punca diamalkan di kediaman masing-masing, Kerajaan Negeri dapat menjimatkan sehingga RM1,146,345 juta.

"**Semua pihak kena ambil tanggungjawab meluangkan masa satu minit satu hari dan perlu dilakukan secara berterusan bagi membiasakan diri dengan amalan pengasingan sisa di punca.**

"**Saya percaya anda mampu mengubah tabiat pembuangan dan pengasingan sisa domestik...ingat cuma satu minit satu hari, anda mampu mengubah gaya hidup anda dan mengubah negeri Pulau Pinang menjadi lebih bersih, hijau, sihat dan selamat,**" ucapnya pada Majlis Pelancaran Program Pengasingan Sisa Di Punca Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Putih dekat Rumah Pangsa Taman Air Itam Blok 1 dan 2 serta Kastella Court di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari; Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Mubarak Junus yang mewakili Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan wakil penduduk, Doreen Lee.

Bersempena itu, Guan Eng turut menyeru agar semua pihak pengurusan atau pihak pengurusan bersama rumah-rumah pangsa di negeri ini dapat melibatkan diri secara aktif dalam menggalakkan para penghuninya supaya mengamalkan pengasingan sisa di punca.

"Sekiranya pihak pengurusan sudah memulakan program ini dengan menyediakan tempat khusus atau tong-tong pengasingan, terima kasih diucapkan kerana anda merupakan peneraju demi masa hadapan yang lebih baik," ujarnya.



SALAH seorang pempamer yang mengambil bahagian dalam penganjuran Majlis Pelancaran Program Pengasingan Sisa Di Punca KADUN Air Putih di sini baru-baru ini.

## Pulihara alam sekitar demi masa depan Pulau Pinang

**GEORGE TOWN -** Bersempena penganjuran kayuhan *Race For A Better Planet* baru-baru ini, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon mengajak semua termasuk komuniti berbasikal di sini supaya komited dalam memelihara kehijauan alam sekitar negeri ini.

Beliau berkata demikian ketika berucap sebelum acara pelepasan kira-kira 500 peserta dekat Jalan Anson di sini baru-baru ini.

Menurut Mohd. Rashid, Kerajaan Negeri Pulau Pinang hari ini sememangnya bertekad untuk terus memelihara alam sekitar dengan mengadakan pelbagai program kesedaran umum seperti pengasingan sisa di punca, kitar semula, penanaman serta penanaman semula pokok, gotong-royong perdana dan sebagainya.

"Ia (program-program kesedaran) selaras dan bertepatan dengan visi Kerajaan Negeri yang mahu menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang lebih bersih, hijau, sihat dan selamat.

"Justeru, saya ingin menyeru agar komuniti berbasikal di negeri ini supaya dapat bersama-sama Kerajaan Negeri menjaga...memelihara dan tidak mencemarkan alam sekitar demi masa depan anak-anak kita," ujarnya yang turut menyertai kayuhan sejauh 40 kilometer dari Jalan Anson ke Batu Maung dan berpatah balik.



MOHD. Rashid Hasnon (tengah) bergambar kenangan bersama-sama para peserta program *Race For A Better Planet* di sini baru-baru ini.




# *Asia Pacific Master Games 2018* di Pulau Pinang, jangka bawa RM20 juta kesan berganda




**KETUA Menteri, Chong Eng (lima dari kanan), barisan jawatankuasa dan penaja merakam gambar kenangan sambil memegang bendera kejohanan *Asia Pacific Masters Games 2018* pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN -** Pulau Pinang menjadi tuan rumah sulung di rantau Asia bagi penganjuran *Asia Pacific Masters Games 2018*, dengan Kerajaan Negeri memperuntukkan RM4.5 juta untuk kejohanan antarabangsa tersebut, selain RM1 juta lagi daripada *Malaysia Major Events Division* (MME).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, penganjuran kejohanan itu yang merupakan kali pertama dihos di rantau Asia pada 8-16 September nanti, diharap akan memberi kesan berganda (*multiplier effect*) lebih RM20 juta kepada sektor pelancongan serta aktiviti ekonomi di negeri ini.

"Ia (kojahanan ini) akan meningkatkan kedudukan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan, kami (Kerajaan Negeri) menjangkakan sekurang-kurangnya 5,000 peserta untuk sukan, yang mana 60 peratus (3,000) adalah peserta asing bakal menghabiskan masa dan berbelanja di sini bersama kawan-kawan dan keluarga masing-masing sepanjang musim saingan," jelasnya pada sidang media bersama-sama semua wakil penganjur dan penaja di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng dan Exco-exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang lain serta Ketua Pegawai Eksekutif Asia Pacific Masters Games 2018.

Guan Eng memberitahu, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan RM4.5 juta, manakala, Kerajaan Persekutuan akan menaja RM1 juta.

"Kami (Kerajaan Negeri) akan menerima anggaran wang RM2 juta daripada yuran pendaftaran, sekali gus mengurangkan kos dijangka RM2.5 juta dengan nilai ekonomi dijangka sebanyak RM20 juta," jelasnya.

Manakala Chong Eng ketika berucap, merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan acara berprestij peringkat antarabangsa itu berjalan lancar seperti yang dirancang.

"Saya percaya dengan komitmen Kerajaan Negeri serta sokongan persatuan sukan seperti MSN (Majlis Sukan Negeri), KBS (Kementerian Belia & Sukan), OCM, IMGA dan PGT (*Penang Global Tourism*) dan *Tourism Malaysia*, kita boleh menjadikan acara ini suatu kejayaan yang tidak dapat dilupakan," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Difahamkan, *World Masters Game* merupakan kejohanan acara sukan pelbagai yang dianjurkan empat tahun sekali, melibatkan penyertaan mereka yang berusia 35 tahun dan ke atas.

Kali pertama kejohanan itu dianjurkan pada tahun 1985 di Toronto, Canada, dan Pulau Pinang menjadi tuan rumah pertama di rantau Asia Pasifik (2018).

## KM garis tiga pendekatan lahir golongan belia berbakat

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**PANTAI JEREJAK –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menggariskan tiga pendekatan dalam usaha melahirkan golongan belia yang mempunyai bakat dan kemahiran.

Katanya, belia merupakan masa depan negara, pembangunan golongan berkaitan adalah sangat penting untuk masa depan sesebuah negeri.

"Pertama, pembelajaran secara berterusan. Lebih banyak anda (belia) belajar, lebih banyak yang akan anda dapat.

"Kedua, jangan pernah mempunyai sikap putus asa terutamanya dalam mendapatkan apa yang dicita-citakan.

"Dan ketiga, kongsikan kejayaan dengan insan lain di sekeliling kita. Ini akan mendorong semangat kepada insan lain untuk sama-sama berjaya," ujarnya ketika merasmikan Karnival Belia anjuran *Penang Youth Development Corporation* (PYDC) dan GPEX di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Chong Eng; ADUN Pulau Tikus, Yap Soo Huey; Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong dan Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani.

Kira-kira 200 belia memeriahkan acara sambutan berkaitan.

Justeru, Guan Eng mengingatkan golongan belia agar memainkan peranan penting dalam menyumbang ke arah pembangunan dan kemakmuran berterusan.

"Kita mempunyai 8.2 juta belia, iaitu 28 peratus daripada jumlah keseluruhan rakyat Malaysia,

"Anda (belia) yang akan menentukan masa depan negara," ujarnya.






MAMMO PENANG
'Sayangi Wanita Pulau Pinang'

## Jadual Mammo Penang 2017

| | Sabtu | Bahagian Pulau | Seberang Perai | Ahad | Bahagian Pulau | Seberang Perai |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Mei | 6 | Tanjong Bungah | Seberang Jaya | 7 | Pantai Jerjak | Penanti |
| | 13 | Padang Kota | Bukit Tambun | 14 | Batu Maung | Perai |
| | 20 | Air Putih | Bagan Jermal | 21 | Seri Delima | Sungai Bakap |
| | 27 | Pengkalan Kota | Padang Lalang | 28 | Pulau Betong | Berapit |
| Jun | 3 | Sambutan Ulang Tahun Kelahiran Yang di-Pertuan Agong | | 4 | Dato Keramat | Bertam |
| | 10 | Pulau Tikus | Jawi | 11 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir |
| | 17 | Kebun Bunga | Bukit Tengah | 18 | Bayan Lepas | Pinang Tunggal |
| | 24 | | | 25 | Hari Raya Puasa | |
| Julai | 1 | Batu Uban | Machang Bubok | 2 | Komtar | Pmtg Berangan |
| | 8 | Sambutan Ulang Tahun Kelahiran TYT | | 9 | Air Itam | Teluk Air Tawar |
| | 15 | Paya Terubong | Sungai Acheh | 16 | Bagan Dalam | Sungai Dua |
| | 22 | Sungai Pinang | Sungai Puyu | 23 | Teluk Bahang | Penaga |
| | 29 | Pantai Jerjak | Penanti | 30 | Tanjong Bungah | Seberang Jaya |
| Aug | 5 | Batu Maung | Perai | 6 | Padang Kota | Bukit Tambun |
| | 12 | Seri Delima | Sungai Bakap | 13 | Air Putih | Bagan Jermal |
| | 19 | Pulau Betong | Berapit | 20 | Pengkalan Kota | Padang Lalang |
| | 26 | Dato Keramat | Bertam | 27 | Pulau Tikus | Jawi |
| Sep | 2 | Hari Raya Haji | | 3 | Paya Terubong | Sungai Acheh |
| | 9 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir | 10 | Kebun Bunga | Bukit Tengah |
| | 16 | Malaysia Day | | 17 | | |
| | 23 | Bayan Lepas | Machang Bubok | 24 | Batu Uban | Pinang Tunggal |
| Oct | 30 | Komtar | Pmtg Berangan | 1 | Bagan Dalam | Sungai Dua |
| | 7 | Air Itam | Teluk Air Tawar | 8 | Paya Terubong | Sungai Acheh |
| | 14 | Teluk Bahang | Penaga | 15 | Sungai Pinang | Sungai Puyu |
| | 21 | Tanjong Bungah | Seberang Jaya | 22 | Pantai Jerjak | Penanti |
| | 28 | Padang Kota | Bukit Tambun | 29 | Batu Maung | Perai |
| Nov | 4 | Air Putih | Bagan Jermal | 5 | Seri Delima | Sungai Bakap |
| | 11 | Pengkalan Kota | Padang Lalang | 12 | Pulau Betong | Berapit |
| | 18 | Pulau Tikus | Jawi | 19 | Dato Keramat | Bertam |
| | 25 | Kebun Bunga | Bukit Tengah | 26 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir |
| Dec | 2 | Batu Uban | Machang Bubok | 3 | Bayan Lepas | Pinang Tunggal |



## Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0




Sila isi butiran berikut:

Nama : ____________________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ____________________

Alamat: ____________________

____________________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ____________________

No. Telefon : (Rumah) __________ (Bimbit) : __________

Emel: ____________________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Peraduan dibuka dari **1 April 2017** hingga **31 Julai 2017.**
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil karya adalah hak milik penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna 4.0,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

## Hadiah:

**Pertama: RM400**
**Kedua : RM250**
**Ketiga : RM150**
**4 Hadiah Saguhati**

# MPSP laksana sistem kerja syif tingkat produktiviti

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SEBERANG JAYA –** Dalam menjamin penyampaian produktiviti yang lebih berkesan, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kini cuba menerapkan sistem bekerja secara syif.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, pihak pengurusan sebelum ini telah berbincang dengan semua jabatan bagi menyusun semula cara penyampaian perkhidmatan supaya lebih produktif dan '*value for money*'.

"Kerja syif ini bukanlah perkara baharu, Skuad Khas serta Skuad Rumah Pam telah melaksanakan tugasan secara syif sebelum ini, dan kita mendapati ia (sistem ini) lebih komprehensif serta produktif.

"Malah, saya yakin, produktiviti penyampaian perkhidmatan mampu dipertingkatkan melalui pelaksanaan sistem bekerja ini," ujarnya pada Majlis Perhimpunan Korporat MPSP dekat Ibu Pejabat MPSP, Bandar Perda di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran, Sr. Rozali Mohamud, barisan Ahli Majlis bagi MPSP dan kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan.

Dalam pada itu, Maimunah turut mengingatkan kakitangan majlis agar kekal fokus kepada sembilan perkara yang digariskan sejak awal tahun ini.

"Sembilan perkara tersebut merupakan '*core business*' MPSP iaitu, Kebersihan; Keselamatan; Lalu Lintas; Kawalan Banjir; Pengindahan Kehijauan dan Kemudahan Awam; Penglibatan Komuniti; Pembinaan Kapasiti; Pengukuhan Fiskal dan Kecekapan Proses Kerja," ujarnya.

Dalam perkembangan berasingan, Maimunah turut mengumumkan bahawa pada 22 April lalu, MPSP memperoleh dua penganugerahan iaitu *Special Honour Award* dan *Honour Award* melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Putrajaya.

"Malah, MPSP turut disenarai pendek bagi Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2017 melalui 22 inovasi yang diketengahkan oleh majlis," jelas beliau.



**MAIMUNAH Mohd. Sharif dan Sr. Rozali Mohamud (kanan sekali) beramah-mesra dengan barisan kakitangan sambil menunjukkan sijil-sijil penganugerahan yang dimenangi pada Majlis Perhimpunan Korporat MPSP di sini baru-baru ini.**

# Lesen anjing bagi jamin tahap kesihatan, elak risiko wabak

**BERAPIT -** Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Joshua Woo Sze Zeng melahirkan rasa bimbang mengenai aktiviti pemeliharaan anjing tanpa lesen dan vaksin berwajib dalam kalangan komuniti.

Berdasarkan data MPSP, katanya, sejumlah 7,625 lesen anjing dikeluarkan pada 2015 dengan penurunan kira-kira 63 peratus menjadi 2,821 lesen sahaja pada tahun lepas.

"Lesen ini bukan sahaja demi memastikan tahap kesihatan anjing bebas daripada wabak, malah juga bagi menjaga keselamatan manusia daripada risiko yang tidak diingini," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Penjelasannya itu sekaligus menjawab isu anjing berkeliaran di jalan utama dekat Bagan Nyior Juru, yang tular dalam laman media sosial *Facebook* tertentu sejak 24 April lepas.

Sze Zeng memberitahu, Undang-undang Kecil Kawalan Anjing MPSP 1982 diwartakan sejak 35 tahun lepas, dan bukan untuk membebankan para penjaga anjing di Seberang Perai.

"Undang-undang ini bukan untuk membebankan penjaga anjing, sebaliknya bagi memantau sekiranya terdapat kes kecemasan seperti penularan virus," jelasnya sambil memberitahu bahawa Seberang Perai masih dalam tempoh setahun sebelum diumumkan sebagai bebas daripada wabak Rabies.

Mengulas lanjut, Sze Zeng memberitahu, yuran permohonan lesen anjing di Kompleks MPSP Jalan Betik adalah serendah RM10 sekiranya binatang pemeliharaan telah diberi vaksin.

"Bagi anjing yang belum divaksin, bawa penyata cukai taksiran, kad vaksinisasi (jika ada) dan anjing kepada MPSP Jalan Betik, dengan yuran RM10 untuk lesen dan RM35 untuk vaksin," jelas beliau.




# Tiang Pasar Awam Batu Lanchang retak, MBPP teliti laporan jururunding




CHOW Kon Yeow (empat dari kanan), Law Heng Kiang (tiga dari kanan), Ar. Yew Tung Seang (dua dari kiri) dan Ahli-ahli Majlis MBPP ketika mengadakan lawatan kerja ke Pasar Awam Batu Lanchang di sini baru-baru ini.

**BATU LANCANG –** Susulan keretakan dua tiang yang dikesan di Pasar Awam Batu Lanchang pada 1 Mei lalu, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melalui syarikat jururunding yang dilantik kini dalam proses mendirikan tiang sokongan.

Menurut Setiausaha Bandaraya MBPP, Ir. Yew Tung Seang, selain mendirikan tiang sokongan, tingkat atas (dewan) Kompleks Pasar Awam Batu Lancang juga dikosongkan bagi mengurangkan beban kepada struktur bawah bangunan.

"Sekarang, kerja-kerja pengukuhan dua kolum (tiang) setinggi 5.1 meter dan 1.5 meter dalam serta disadur dengan konkrit sedang dijalankan kontraktor.

"Pada peringkat ini juga, MBPP mengarahkan syarikat jururunding untuk memeriksa keseluruhan bangunan kompleks bagi memastikan tiada mana-mana ruang atau tiang yang berbahaya.

"Pengosongan tingkat atas seperti pengosongan air pada tangki bomba turut dilakukan.

"Dianggarkan tempoh sehingga dua minggu diperlukan oleh pihak jururunding bagi melakukan siasatan forensik keseluruhan bangunan," ujarnya ketika menerima lawatan kerja daripada Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Law Heng Kiang.

Tambah Tung Seang, sejak kejadian 1 Mei lalu, 30 gerai jualan di tingkat satu turut dikosongkan oleh peniaga dan dipindahkan ke kawasan lain untuk sementara waktu.

"Bagi aktiviti melibatkan dewan seperti kenduri kahwin, kita (MBPP) ada sediakan khemah di lot parkir," jelasnya.

Dalam pada itu, Kon Yeow ketika ditemui pada sidang media memberitahu, segala tindakan susulan akan dimaklumkan kemudian bergantung kepada laporan oleh jururunding dilantik.

"Kita (Kerajaan Tempatan) akan teliti laporan daripada jururunding sejurus siasatan dan penilaian lengkap diterima.

"Walau apapun keselamatan tetap menjadi keutamaan kita," katanya yang juga ADUN Padang Kota.

Mengulas lanjut, Kon Yeow turut menolak andaian bahawa keretakan adalah disebabkan kerja-kerja naik taraf yang dijalankan sebelum ini.

"Ini kerana, kerja-kerja naik taraf sebelum ini hanya melibatkan pemasangan penghawa dingin, laluan orang kurang upaya (OKU) dan pemasangan lif awam," ujar beliau.

# Maklum balas komuniti, remajakan ruang awam pekan Bukit Mertajam

**PADANG LALANG –** Demi meremajakan semula pekan lama Bukit Mertajam, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal mendapatkan maklum balas lanjut daripada komuniti penduduk serta peniaga tempatan berhubung cadangan mewujudkan beberapa lagi lokasi ruang awam (*public spaces*) di lorong sisi berhadapan Jalan Datuk Ooh Chooi Cheng di sini.




CHONG Eng diiringi Maimunah Mohd. Sharif (bertudung merah) dan Sr. Rozali Mahmud (berkopiah) meneliti pameran awam mengenai projek usahasama mewujudkan ruang awam di pekan Bukit Mertajam di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertuanya, Dato' Maimunah Mohd. Sharif memberitahu, komponen projek perintis itu dilaksanakan berdasarkan perjanjian persefahaman (MoU) pada 20 Oktober 2015 antara MPSP dan *Yokohama City Council, Japan International Cooperation Agency* (JICA), *Yokohama City University*, Universiti Sains Malaysia (USM) dan *Yokohama-Seberang Perai Urban Development Friendship Committee*.

"Ini adalah salah satu lorong di Bukit Mertajam, impiannya adalah untuk menjadikan ia sebagai ruang awam (*public spaces*), justeru, kita akan mendapatkan maklum balas penduduk dan peniaga di sini," jelasnya kepada pemberita ketika melawat tapak ruang awam di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Chong Eng yang juga Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti; Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud; Pereka Bentuk Bandar merangkap Pensyarah Kontrak Khas Yokohama City University, Prof. Naoyuki Kuniyoshi; Perunding Jurutera Merangkap Anggota Yokohama Seberang Perai Friendship Committe for Urban Planning, Toshihik Oyamatsu.

Mengulas lanjut, Maimunah memberitahu, Kajian Reka Bentuk Bandar Bukit Mertajam akan mengenal pasti empat projek utama, iaitu, *conservation and re-adaptive use of shop houses*, yang mana beberapa unit rumah kedai termasuk rumah mantan Ketua Menteri, Tan Sri Wong Pow Nee yang mempunyai nilai warisan.

Selain itu, katanya, Pasar Awam Bukit Mertajam yang beroperasi sejak 130 tahun lalu dan dinaik taraf pada bulan Disember 1934 akan dipulihara semula, sebagai mercu tanda sejarah reka bentuk bandar di pekan lama tersebut.

Tambah Maimunah, kajian reka bentuk perbandaran turut dilaksanakan di lapan persimpangan jalan utama, iaitu sekitar Jalan Arumugan Pillai, Jalan Che Bee Nor, Jalan Datuk Ooh Chooi Cheng, Jalan Muthu Palaniappan, Jalan Stesen, Jalan Danby, Jalan Bunga Raya, Jalan Pasar dan Jalan Murthy.

"Tujuan kajian reka bentuk ini adalah untuk mengemukakan cadangan-cadangan berkait dengan penglibatan penduduk dalam pembangunan semula bandar ini.

"Tujuan sesi *town hall* di Sekolah Menengah Jenis (Cina) Jit Sin (Persendirian) di sini juga adalah bertujuan untuk mendapatkan maklum balas daripada komuniti penduduk dan peniaga-peniaga berkenaan di sini," jelas beliau.

# Pasukan Sukan Lasak MBPP tawan puncak Gunung Baling

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **PASUKAN SUKAN LASAK MBPP**

**KEKAL CERGAS...** Kejayaan menawan puncak Gunung Baling oleh 55 ahli Pasukan Sukan Lasak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini membuktikan bahawa cabaran bukanlah halangan untuk kekal cergas, sebaliknya memberi kenangan dan kepuasan berbeza berbanding tugasan harian sebagai penjawat awam.

Penganjur Sukan Lasak MBPP, Shalehudin Hashim berkata, walaupun mengakui bahawa aktiviti mendaki merupakan sesuatu yang mencabar, namun ia bukanlah satu alasan untuk 55 ahli daripada pelbagai peringkat kakitangan MBPP menjalankan aktiviti sukan lasak tersebut.

"Alhamdulillah, pendakian mengambil masa dua jam melalui laluan tanah merah, hutan dan batu kapur," ujarnya yang juga merupakan Ketua Bahagian Keselamatan MBPP.

Pendakian diketuai oleh Setiausaha Bandaraya, Ar. Yew Tung Seang.

Tahun lalu, pasukan berkaitan turut menganjurkan pendakian ke Bukit Bendera yang disertai seramai 88 kakitangan.



SEBAHAGIAN ahli Pasukan Sukan Lasak MBPP yang berjaya menawan puncak Gunung Baling bergambar kenangan sambil mengibarkan Jalur Gemilang baru-baru ini.

# Program Nur Ramadhan 2017 Zakat Pulau Pinang, MAINPP







TUN Dr. Abdul Rahman Abbas sambil diiringi Mohd. Rashid Hasnon, Abdul Malik Abul Kassim dan Mohd. Salleh Man menyempurnakan majlis penyampaian Program Nur Ramadhan 2017 Zakat Pulau Pinang, MAINPP di sini baru-baru ini.

**KEPALA BATAS**, 18 Mei 2017- Program tahunan ini diadakan bagi mengagihkan sumbangan zakat kepada asnaf dan fakir miskin sempena bulan Ramadhan yang akan tiba.

Program Siri 1 telah berlangsung di Dewan Millenium. Seramai 2,009 penerima bantuan bagi sekitar Seberang Perai.

Majlis telah disempurnakan oleh TYT Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Bin Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Turut menyerikan majlis, Yang di-Pertua MAINPP, Dato' Mohd. Salleh Man, Dato' Haji Mohd Rashid Hasnon (Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang) dan Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri Dan hal Ehwal Pengguna). Nilai agihan bantuan adalah berjumlah RM1,325,940.00.

Program Nur Ramadhan Siri Ke-2 pula berlangsung di Tapak Pesta, Sungai Nibong pada 25 Mei 2017. Program ini melibatkan penerima dari daerah Timur Laut dan Barat Daya. Seramai 786 penerima menerima agihan bantuan bernilai RM518,760.00 pada hari tersebut.

Maybank Islamic Berhad turut bersama membantu asnaf di Pulau Pinang dengan menyerahkan zakat perniagaan berjumlah RM575,759.35 melalui Zakat Pulau Pinang, MAINPP.

Kesemua asnaf menerima wang tunai sebanyak RM600 berserta hamper dan beras. Pada tahun ini, Zakat Pulau Pinang, MAINPP memperuntukkan keseluruhannya sebanyak RM7,605,000.00 untuk diagihkan di sepanjang bulan Ramadhan. Moga dengan bantuan ini, meringankan beban asnaf dan fakir miskin.

Terima kasih pembayar zakat.

*(Rencana hasil sumbangan, Zakat Pulau Pinang).*



SUASANA ketika berlangsungnya majlis.

## KADUN Datuk Keramat isytihar 'perang' denggi

**DATUK KERAMAT –** Lebih 100 penduduk sekitar Jalan York, Taman Nusantara dan Kebun Lama di sini hadir bagi menjayakan penganjuran program gotong-royong sebagai inisiatif mengawal serta mencegah wabak denggi.

Program yang berlangsung kira-kira dua jam bermula jam 8.30 pagi itu adalah anjuran khas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat, Jagdeep Singh Deo dengan kerjasama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) serta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

Jagdeep ketika ditemui selepas sesi gotong-royong menyatakan kebimbangannya terhadap peningkatan kes denggi, khususnya di KADUN (Kawasan Dewan Undangan Negeri) Datuk Keramat.

"Lanjutan itu, kami mengambil inisiatif khas menjalankan program gotong-royong secara besar-besaran bagi membersihkan kawasan kejiranan dan persekitaran.

"KADUN Datuk Keramat mengisytiharkan 'perang' terhadap denggi dan saya menggesa semua rakyat Pulau Pinang untuk turut berbuat demikian.

"Semua penduduk perlu memastikan dan mengekalkan persekitaran yang bersih untuk mengelak wabak denggi. Yang penting adalah kesedaran kita dalam menjaga kebersihan rumah mahupun kejiranan tempat tinggal," katanya yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan di sini baru-baru ini.

Sebanyak 19 kes denggi dilaporkan membabitkan KADUN Datuk Keramat dalam tempoh 6 April hingga 3 Mei lalu.



JAGDEEP Singh Deo (empat dari kiri) bersama-sama sebahagian penduduk bergotong-royong membersihkan persekitaran tiga kawasan perumahan di sini baru-baru ini.

# Projek pembangunan semula rumah pangsa Lorong Mahsuri 10 ditangguh - Rashid

Teks & Gambar : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**PANTAI JEREJAK –** Lima blok rumah pangsa Lorong Mahsuri 10 yang merupakan projek perintis pertama di Pulau Pinang yang akan dibangunkan semula secara lebih tersusun ditangguhkan kepada tarikh yang bakal diumumkan kelak.

Perkara tersebut dimaklumkan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon setelah perkara tersebut diputuskan dalam Mesyuarat Exco yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri baru-baru ini.

Mohd. Rashid berkata, terdapat beberapa isu yang masih perlu ditangani oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) selaku pemaju bertanggungjawab, terutamanya melibatkan unit-unit individu di kelima-lima blok berkaitan.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah melantik peguam PDC untuk menghubungi setiap pemilik rumah bagi mendapatkan kebenaran mereka untuk membangunkan semula kelima-lima blok ini secara lebih tersusun.

"Namun, sehingga kini, terdapat kira-kira 10 peratus daripada pemilik-pemilik rumah ini masih belum dapat dikenal pasti, walaupun rekod mereka ada pada PDC," jelasnya selepas merasmikan Majlis Pelancaran Mula Kerja Depoh Sampah & Kitar Semula dan Kenduri Rakyat di Mayang Pasir di sini baru-baru ini.

Pada majlis berkaitan, sebanyak tiga depoh kitar semula diwujudkan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Mayang Pasir sebagai inisiatif mewujudkan kesedaran masyarakat setempat berhubung isu-isu kebersihan dan kitar semula.

Mengulas lanjut, Mohd. Rashid menyatakan bahawa pihaknya telah menjalankan dialog serta memaklumkan kepada penduduk di blok J dan K berhubung penangguhan tersebut.

"Dalam usaha mendapatkan data dan menghubungi baki 10 peratus pemilik-pemilik ini, pihak saya juga telah mengambil inisiatif mengadakan dialog bersama-sama penduduk.

"Dua blok berkenaan (J dan K) telah sedia maklum akan hal ini, dan baki tiga blok iaitu G,H dan L akan disusuli kemudian," jelas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak.



**MOHD. Rashid Hasnon (depan, kiri sekali) bersama salah seorang penduduk menyempurnakan gimik Majlis Mula Kerja Depoh Sampah & Kitar Semula dan Kenduri Rakyat di sini baru-baru ini.**

## ADUN seru semua penduduk jayakan Dasar Pengasingan Sisa Di Punca

**AIR ITAM -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai menyeru supaya penduduk di sini meneruskan komitmen Kerajaan Negeri dengan menjayakan program-program pengasingan sisa di punca yang dilaksanakan.

Menurutnya, program pengasingan sisa yang giat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah bagi mengurangkan kos pengurusan sisa pepejal, sekaligus memberi penjimatan khususnya bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan.

"Semenjak Kerajaan Negeri memperkenalkan program-program pengasingan sisa pepejal di punca 1 Jun 2016, kita (Kerajaan Negeri) telah berjaya menjimatkan RM2.38 juta iaitu RM1.59 juta bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan RM792,999 (Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP)," ucapnya pada Program Pengasingan Sisa Di Punca Flat Taman Seri Timur, Lorong Rambutan 3 di sini baru-baru ini.

Menurut Hon Wai, selain penjimatan perbelanjaan, pengasingan sisa di punca juga mampu memanjangkan hayat tapak pelupusan sampah di Pulau Burong, Seberang Perai Selatan (SPS).

"Program anjuran Pusat Khidmat ADUN Air Itam bersama-sama Dewan Kegiatan Agama Islam Kampung Shaik Eusoff dan MBPP ini merupakan program kali ke-tujuh seumpamanya dijalankan membabitkan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) ini.

"Sebelum ini, enam kawasan lain sudah melaksanakannya, iaitu Taman Happy Valley, Flat Taman David Chen, Flat Taman Pisang Awak, Kampung Shaik Eusoff, Flat Fairy Height Blok 137 dan Blok 138.

"Dengan kempen-kempen yang giat dijalankan, saya harap mesej berhubung Dasar Pengasingan Sisa Di Punca yang bakal dikuatkuasakan secara mandatori 1 Jun ini akan sampai ke peringkat akar umbi bagi memastikan kejayaannya," ujarnya yang juga Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri.



**WONG Hon Wai (berkemeja merah jambu) bersama-sama penduduk menyempurnakan gimik perasmian Program Dasar Pengasingan Sisa Di Punca Kampung Shaik Eusoff di sini baru-baru ini.**

## ADUN harap Depoh Sampah & Pusat Kitar Semula pupuk kesedaran penduduk

**PANTAI JEREJAK –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Dato' Mohd. Rashid Hasnon mahu menjadikan tiga Depoh Sampah dan Pusat Kitar Semula yang diwujudkan khas di Mayang Pasir di sini sebagai hab contoh pengasingan sisa bagi kategori rumah pangsa negeri ini.

Beliau yang juga Timbalan Ketua Menteri I berkata, inisiatif tersebut adalah bagi memudahkan penghuni di lima blok kawasan berkaitan melakukan pengasingan sampah dan meningkatkan amalan kitar semula.

"Jika sebelum ini sampah dibuang merata-rata atau dicampakkan begitu sahaja dari tingkat atas ke bawah, tetapi kini, saya inginkan setiap penduduk di sini mengambil bahagian mengasingkan sisa pepejal yang tidak boleh digunakan dengan sampah-sarap yang boleh dikitar semula.

"Hasil jualan daripada sampah-sarap kitar semula yang telah terkumpul boleh digunakan untuk menganjurkan program-program bersama penduduk dan pada masa sama mengindahkan kawasan sekitar," ujarnya ketika merasmikan Majlis Pelancaran Mula Kerja Depoh Sampah & Kitar Semula dan Kenduri Rakyat di Mayang Pasir di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Penghulu Daerah Barat Daya, Zul Azman Ismail; Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Mayang Pasir, Shaharom Khamis dan wakil Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Jelas Mohd. Rashid, pengasingan sisa di kawasan perumahan dan rumah pangsa amat berbeza, pengurusan sisa pepejal tersebut menjadi lebih mencabar di rumah-rumah pangsa yang telah dibangunkan lama.

"Bagi rumah pangsa di sini yang telah wujud hampir 40 tahun adalah lebih mencabar berbanding kawasan perumahan biasa kerana kita memerlukan kerjasama bukan dari seorang dua, tetapi keseluruhan isi rumah di setiap blok terlibat.

"Justeru, saya berharap dengan adanya depoh baharu ini, ia bakal memupuk kesedaran penduduk di sini untuk lebih menjaga kebersihan," ujar beliau.

# Pulau Pinang, negeri penuh semangat kecintaan dan kasih sayang

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**SAYA ❤ PULAU PINANG...** SERAMAI 1,600 peserta pelbagai lapisan usia dan latar belakang menyertai acara mendaki Bukit Bendera, I ❤ Penang Hike #UntukNegeriKita anjuran bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Perbadanan Bukit Bendera (PHC), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), peneraju sukan bukan kompetitif, Active Style Sdn. Bhd. dan TLM Event Sdn. Bhd.

Acara yang dilangsungkan pada sambutan Hari Ibu tersebut meriah apabila Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon turut sama mendaki sehingga ke puncak Bukit Bendera.

Pelepasan peserta disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sambil diiringi Pengurus Besar PHC, Cheok Lay Leng.

Ketika berucap, Guan Eng berkata, Pulau Pinang merupakan negeri yang penuh dengan semangat kecintaan dan kasih sayang.

"Acara ini melambangkan semangat kita sebagai rakyat Pulau Pinang yang cintakan negeri kita, cintakan keharmonian antara kaum dan saling menyayangi antara satu sama lain, saksama serta adil untuk semua," katanya yang berharap para peserta bukan sahaja mendaki dengan penuh semangat, malah juga menghayati keindahan alam semulajadi di Bukit Bendera.

Selesai berucap, Guan Eng melaungkan '*I ❤ Penang*' dalam empat bahasa yang turut disambut dengan gelak gempita semua peserta yang hadir.




KETUA Menteri, Mohd. Rashid Hasnon dan Cheok Lay Leng menyempurnakan acara pelepasan peserta I ❤ Penang Hike #UntukNegeriKita di sini baru-baru ini.



PESERTA cilik yang turut mengambil bahagian.



PARA peserta tidak melepaskan kesempatan berswafoto pada penganjuran berkaitan.




SEBAHAGIAN peserta yang memberikan *pose* istimewa bagi menzahirkan rasa kecintaan terhadap Pulau Pinang.




PESERTA-peserta bersemangat memulakan pendakian I ❤ Penang Hike #UntukNegeriKita.



SEMANGAT yang ditunjukkan para peserta yang terdiri daripada berbilang bangsa dan lapisan umur.



RIBUAN peserta yang mengambil bahagian.